Panel solar di sekolah MS 3




Usahawan luar bandar hebat! MS 9 & 28

NOVEMBER 1-15, 2019

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Sasar pengurusan sisa menyeluruh 2023

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang sasar pengurusan sisa termasuk sisa makanan di restoran-restoran secara menyeluruh pada tahun 2023.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata bahawa langkah penguatkuasaan secara berperingkat akan dilaksanakan demi mencapai sasaran itu.

Menurut beliau, penguatkuasaan secara pendidikan akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2020, disusuli, 'penguatkuasaan secara ringan atau verbal' pada 1 Januari 2021.

"Langkah penguatkuasaan penuh akan dilaksanakan pada tahun 2022," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dalam sidang media di sini pada 14 Oktober lalu.

Sebelum itu, Boon Poh berucap pada penganjuran Sesi Latihan & Pekeliling Amalan Baik Dalam Pengurusan Sisa Pulau Pinang.

Di depan 72 perwakilan termasuk dari negara-negara Asia Tenggara, beliau berkongsi pengalaman Pulau Pinang melaksanakan kejayaan pengurusan sisa secara berperingkat sejak tahun 2009.

Sehingga kini, katanya, agensi negeri seperti *Penang Green Council* (PGC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) begitu banyak membantu dalam menjayakan dasar-dasar pengurusan sisa seperti Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dan kempen kitar semula.

"Mula-mula kita (Kerajaan Negeri) umum (kempen) Hari Tanpa Beg Plastik pada tahun 2009, sesetengah pihak anggap tindakan kita tidak munasabah.

"Mereka kata perkara ini tidak mungkin dapat dilaksanakan, tetapi kita tetap teruskan pelaksanaan kempen ini pada tahun tersebut.

"Pada tahun 2010, (kempen Hari Tanpa Beg Plastik dari sehari dalam seminggu ditambah kepada) tiga hari (dalam seminggu), kemudian pada tahun 2011 bertambah pada tujuh hari (dalam seminggu).

"Pulau Pinang tunjuk kepada negara-negara lain di dunia, bagaimana usaha kita secara berperingkat berhubung kempen tanpa plastik sekali guna ini sedang dilaksanakan, hingga ada beberapa negara serta negeri datang ke Pulau Pinang untuk belajar bagaimana kita menguruskan sisa di negeri ini," jelasnya.

Dua perwakilan antarabangsa daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkaitan Alam Sekitar *(UN Environment)*, Dr. Issabele Louis dan Dr. Mushtaq Ahmed Memon serta Pengurus Biro Kerjasama Antarabangsa dan Alam Sekitar bagi bandar raya Osaka, Jepun, Takuya Kitatsuji antara tokoh yang hadir dalam bengkel selama tiga hari berkenaan.




**PHEE Boon Poh memberikan ucapan pada penganjuran Sesi Latihan & Pekeliling Amalan Baik Dalam Pengurusan Sisa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Kehilangan penjawat awam berpengalaman amat dirasai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Seramai 76 pesara dan bakal pesara di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang diraikan dalam Majlis Jasamu Dikenang 2019 di sini 3 Oktober lalu.

Termasuk yang bakal menamatkan perkhidmatan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus yang telah berkhidmat selama 26 tahun di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri amat merasai kehilangan penjawat awam berpengalaman yang banyak menyumbang khidmat bakti, menggembleng tenaga serta mengorbankan masa demi kesejahteraan rakyat dan negeri ini.



**KETUA Menteri dan Farizan Darus merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima pengiktirafan pada Majlis Jasamu Dikenang 2019 di sini baru-baru ini.**

"Sebagai Ketua Menteri, saya juga turut merasa kehilangan setiap kali ada pegawai dipindahkan ke jabatan lain, dinaikkan pangkat atau bersara wajib kerana bukan senang mendapat sokongan pegawai-pegawai berdedikasi untuk bekerjasama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Walau bagaimanapun, inilah hakikat dalam pentadbiran awam dan sebagai Ketua Menteri serta pemimpin politik, kita perlu menyesuaikan diri dengan hakikat ini," ucapnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu serta dif-dif kehormat lain.

Tambah Kon Yeow, nilai disiplin yang sentiasa menjadi asas dalam pentadbiran sedia ada di bawah seliaan Farizan telah menghasilkan kualiti serta produktiviti dan amat membantu merealisasikan misi serta visi Kerajaan Negeri.

"Sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan telah membawa pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dikenali dan mengecapi kejayaan pada pelbagai peringkat.

"Diakui tempoh 26 tahun di dalam pentadbiran (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang bukan sesuatu yang mudah, tetapi Dato' Seri Farizan telah berjaya melepasi perjalanan ini dengan begitu baik.

"Justeru, saya mewakili Kerajaan Negeri mengucapkan selamat bersara dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua atas jasa dan khidmat bakti selama ini.

"Sumbangan dan pengorbanan yang dicurahkan pasti akan terus dikenang," ujarnya.

Difahamkan, seramai 65 orang pesara dan bakal pesara yang diraikan adalah terdiri daripada mereka yang telah mencapai umur persaraan wajib, bersara secara pilihan (7) dan telah meninggal dunia (4).

## *Coretan Dato' Seri Farizan Darus...*

**SETIAUSAHA** Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus menasihati penjawat awam terutama di Pulau Pinang untuk sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutamanya dalam aspek pelaksanaan dan pemantauan sesuatu projek yang bakal dilaksanakan kelak.

"Pelbagai perkara Kerajaan Negeri perlu hadapi pada masa akan datang kerana banyak projek mega yang dirancangkan telah mendapat kelulusan seperti Transit Aliran Ringan (LRT), projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang (PSR), Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan banyak lagi.

"Oleh itu, penjawat awam perlu berusaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang pelaksanaan iaitu bagaimana untuk melaksana serta memantau projek-projek berkenaan," serunya pada sesi wawancara khas sejurus penganjuran Majlis Jasamu Dikenang 2019 di sini 3 Oktober lalu.

Farizan bakal menamatkan perkhidmatan beliau setelah berkhidmat selama 26 tahun di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Farizan dalam ucapannya sebelum itu menasihati pesara agar terus menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat sama ada melalui badan-badan bukan kerajaan (NGO) atau membantu komuniti setempat.

"Mereka yang berpengalaman tidak seharusnya bersara secara mutlak kerana pengalaman yang kita miliki, saya percaya adalah satu aset penting dan amat bernilai terutamanya pengalaman dalam menguruskan aset serta pengurusan kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, Farizan turut menyeru penjawat awam di negeri ini khususnya kumpulan profesional untuk tidak melibatkan diri dalam mana-mana parti politik yang dibimbangi akan menjejaskan perkhidmatan mereka kepada kerajaan sedia ada.

"Bagi kumpulan bukan profesional, mereka boleh sertai mana-mana parti politik dengan kebenaran ketua jabatan masing-masing tetapi pada peringkat saya, tidak boleh walaupun dengan Kerajaan Negeri yang ada hari ini.

"Sebagai penjawat awam, kita harus berkhidmat selari dengan polisi Kerajaan Negeri sama ada suka atau tidak dan sekiranya merasa tidak mampu, maka kita perlu memilih untuk meletakkan jawatan.

"Hal ini kerana, kerajaan dibentuk hari ini adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi, dan sebagai penjawat awam kita tidak boleh menentang kerajaan (pilihan rakyat).

"(Dan) sebagai pegawai yang pernah berkhidmat untuk dua Ketua Menteri daripada dua kerajaan yang berbeza sebelum ini, saya sangat memahami mengapa seseorang pentadbir itu tidak boleh terlibat dalam mana-mana parti politik melainkan selepas meletakkan jawatan," ulasnya yang mula menyertai perkhidmatan awam sejak tahun 1984.

Walau bagaimanapun kata Farizan, sebagai pegawai berpengalaman, adalah tidak salah untuk seorang mempersoalkan keputusan kerajaan sekiranya dasar yang mahu dilaksanakan itu bertentangan dengan dasar serta undang-undang sedia ada.

"Tetapi sekiranya sesuatu dasar itu tidak bertentangan dengan peraturan dan undang-undang negeri, maka kita perlu melaksanakannya.

"Contohnya, selepas PRU-13 (Pilihan Raya Umum Ke-13), mantan Ketua Menteri (Lim Guan Eng) bercakap soal tender iaitu beliau memperkenalkan dasar baru yang mana keputusan dibuat oleh lembaga tender masih terbuka untuk sebarang bantahan.

"Perkara ini tidak pernah dilakukan sebelum ini (sebelum PRU-13) dan apabila kita (Kerajaan Negeri) semak semula proposal yang dikemukakan, maka kita dapati tidak ada salahnya mengenai prosedur tersebut dan kita laksanakannya sehingga ke hari ini.

"Malah, langkah ini dilihat baik untuk semua pihak kerana ramai pemilik tender menghantar tender masing-masing dan yang dipilih hanyalah satu. Oleh itu, pihak yang tidak dipilih mungkin berasa marah dan kita benarkan mereka mengemukakan bantahan namun mereka perlu ada alasan yang kukuh untuk berbuat demikian," jelasnya.

Mengulas lanjut, Farizan menyatakan bahawa bekerja di bawah pentadbiran dua kerajaan yang berbeza merupakan cabaran terbesar sepanjang 35 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam.

"Perkara ini amat mencabar kerana apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mungkin tidak dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya berkaitan isu tanah.

"Sudah tentu banyak keputusan yang dibuat Kerajaan Negeri tidak selari dengan Kerajaan Persekutuan, tetapi selagi mana perkara itu tidak bercanggah dengan undang-undang negeri maka kita perlu beritahu mereka (Kerajaan Persekutuan) mengenai asas keputusan tersebut dibuat.



**FARIZAN Darus.**

"Sebenarnya, berdasarkan pengalaman saya bekerja dengan dua kerajaan, kita biasanya memilih apa yang lebih memberi nilai kepada negeri dan juga rakyat," katanya.

Sebagai rekod, Farizan memulakan perkhidmatan untuk negeri Pulau Pinang sejak 1989 di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) sehingga 1994 sebelum ditukarkan ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) sehingga 1998.

Beliau kemudiannya dihantar ke Kuala Lumpur untuk bertugas di Kementerian Kewangan selama lebih dua tahun dan kembali semula ke Pulau Pinang pada pertengahan tahun 2000 sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan Daerah di Pejabat Daerah dan Tanah SPU.

Pada 2001, Farizan mengambil keputusan menyambung pelajaran di peringkat sarjana dalam bidang sumber manusia sebelum kembali ke Pulau Pinang sebagai Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pada pertengahan 2002.

Selepas itu, beliau dipertanggungjawabkan mengetuai Majlis Perbandaran Seberang Perai yang kini dikenali Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebagai Yang di-Pertua (YDP) pada tahun 2005 dan kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri pada tahun 2009.

Pada Mac 2011, Farizan dilantik menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) selama lapan tahun sembilan bulan sehingga mengambil keputusan bersara pada 7 November 2019.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# MESTECC edar 50 panel solar ke sekolah dan agensi kerajaan terpilih

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Panel solar akan dipasang di sekolah dan agensi kerajaan terpilih seluruh negara termasuk tiga sekolah dekat Pulau Pinang.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin berkata bahawa pihaknya akan mengedarkan 50 panel solar yang ditemui tersimpan rapi di gudang oleh pentadbiran sebelum ini.

"Jadi MESTECC memutuskan supaya panel-panel solar ini diedarkan untuk kegunaan sekolah serta agensi kerajaan terpilih dalam usaha memangkin penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

"Lima daripadanya diberikan kepada lima pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mengambil bahagian dalam Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (dijenamakan semula sebagai Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia) dan baki diagihkan kepada setiap negeri untuk menentukan tiga sekolah yang dipilih," ujarnya pada sidang media sejurus hadir menyempurnakan pelancaran *Penang International Green Conference and Exhibition* (PGIGCE) *2019* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang serta wakil daripada *Penang Green Council* (PGC) selaku penganjur PGIGCE 2019.

Mengulas lanjut, Bee Yin memaklumkan bahawa anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), *G-Sparx* akan membina tempat letak kereta dengan teduhan dan penerima (sama ada sekolah atau agensi kerajaan terpilih) tidak perlu membayar apa-apa.



**KETUA Menteri dan Yeo Bee Yin (dua dari kanan) bersama-sama wakil penganjur menyempurnakan gimik pelancaran PGIGCE 2019 menggunakan humanoid robot pintar, Cruzr di sini baru-baru ini.**

"Bagi Pulau Pinang, kos pemasangan panel solar ini mencecah RM2 juta dan Kerajaan Negeri kini mengenal pasti sekolah-sekolah berkaitan untuk menerima panel solar ini.

"Hal ini kerana sekolah yang menerima panel solar perlu mempunyai tanah, cahaya matahari dan sambungan yang bersesuaian," katanya.

Tambah beliau, penggunaan panel solar membolehkan penjimatan sehingga RM1,000 ke RM4,000 sebulan walaupun setelah mengambil kira pajakan kepada *G-Sparx.*

"MESTECC berharap projek panel solar ini akan menggalakkan lagi Skim Meter Tenaga Bersih yang mana melaluinya tenaga yang dihasilkan daripada sistem solar fotovoltan yang terpasang akan digunakan terlebih dahulu dan lebihan tenaga akan dijual kepada TNB atas dasar *'one-on-one',*" jelasnya.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucaptama, Bee Yin mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menyediakan insentif kepada Pulau Pinang dalam usaha merancakkan lagi penggunaan tenaga boleh diperbaharui serta mengarusperdanakan pendidikan berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di negeri ini.

"Insentif berkaitan juga termasuk memperuntukkan RM500,000 kepada *Tech Dome Penang (TDP)* bagi menawarkan kemasukan percuma ke pusat kecemerlangan STEM itu kepada pelajar-pelajar sekolah dan menjadikan Majlis Bandaraya Sebarang Perai (MBSP) sebagai salah satu entiti PBT yang menerima panel solar,'' katanya.

## APUF-7 relevan, bincang isu bandar raya serantau sehingga 2030

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menganggap penganjuran *Asia Pacific Urban Forum ke-7* (APUF-7) telah membawa Pulau Pinang bersama-sama negara-negara serantau membincangkan isu-isu relevan berhubung kelestarian bandar dan alam semula jadi sehingga tahun 2030.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) komited untuk melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang digariskan serta dideklarasikan dalam persidangan serantau kali ini.

Kata Kon Yeow, isu-isu yang dibincangkan dalam forum tersebut, turut menjadi tumpuan dalam Penang2030 iaitu gagasan pembangunan jangka panjang dan masa depan negeri bagi tempoh 11 tahun akan datang.

"APUF 7 telah membawa kita bersama, untuk saling bekerjasama, berganding bahu dan menjana peluang untuk mewujudkan keadaan yang lebih mampan di bandar raya, juga di negara masing-masing.

"Forum ini telah menyediakan kepada negara-negara serantau Asia Pasifik, (iaitu) platform bagi menghimpunkan pelbagai pandangan, untuk dibincangkan demi masa depan rantau ini.

"Sebagaimana SDG ini (untuk tempoh 10 tahun mulai 2020 sehingga 2030), Pulau Pinang juga mempunyai komitmen serta agenda yang serupa sehingga tahun 2030.

"Pertemuan meja bulat pada peringkat tertinggi...saling berkongsi apakah rekod pembangunan mampan yang telah berjaya dibuat, untuk dilaksanakan di bandar raya yang lain dekat rantau ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Penutup APUF-7 di sini pada 17 Oktober 2019.

Sebelum itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menegaskan peri penting merealisasikan SDG melalui pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) di tanah air ini dalam tempoh 10 tahun mulai 2020.

"Alhamdulillah, pelbagai maklum balas telah kita dapat melalui penganjuran forum dengan penglibatan 600 jurucakap, dan 6,000 penyertaan.

"Kita (APUF-7) telahpun membuat beberapa rumusan, dan rumusan-rumusan ini akan dibuat sebagai pelan tindakan kepada negeri-negeri yang datang terutama peringkat PBT.

"Dalam ucapan, saya tekankan tiada guna kalau ada banyak deklarasi polisi dan sebagainya, sekiranya di peringkat akar umbi (PBT) itu sendiri tiada kemampuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah mencapai kelestarian (bandar).

"Tidak mengapa kalau tidak boleh mencapai kesemua 17 SDG, tapi kalau boleh capai sebahagian daripada (matlamat yang digariskan) adalah memadai.

"SDG ini mesti dilaksanakan sebelum tahun 2030, kita tidak mahu berlalu 2030, kita buat (SDG sehingga tahun) 2040 pula, kita mesti berusaha melaksanakannya," serunya.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Datuk Seri Maimunah Mohd. Sharif; Pengarah Bahagian Pembangunan dan Alam Sekitar bagi UN Economic and Social Commission for Asia-Pacific (ESCAP), Dr. Stefanos Fotiou; Timbalan Ketua Setiausaha (Bahagian Kesejahteraan Bandar) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azhar Ahmad turut sertai acara penutup tersebut.

17 SDG yang dibincangkan dalam APUF-7, secara umum adalah :-

- Menamatkan Kemiskinan Dalam Semua Bentuk.
- Akhiri Kelaparan, Mencapai Keselamatan Makanan serta Meningkatkan Nutrisi dan Mempromosikan Pertanian yang Mampan.
- Memastikan Kehidupan yang Sihat dan Menggalakkan Kesejahteraan untuk Semua.
- Memastikan Pendidikan Berkualiti Inklusif serta Saksama dan Menggalakkan Peluang Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Semua Tindakan PBT.
- Mencapai Kesaksamaan Gender serta Memperkasakan Wanita dan Kanak-kanak Perempuan.
- Memastikan Ketersediaan serta Pengurusan Air dan Sanitasi yang Mampan.
- Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden untuk Semua.
- Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Mampan, Inklusif, Guna Tenaga Penuh, Produktif dan Kerja yang Bersesuaian untuk Semua.
- Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Mampan dan Inovasi.
- Mengurangkan Ketidaksamaan Kawasan Tindakan PBT.
- Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan serta Mampan.
- Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran Mampan.
- Mengambil Tindakan Segera untuk Memerangi Perubahan Iklim dan Kesan-kesannya.
- Memulihara serta Memelihara Pantai dan Sumber Marin bagi Pembangunan Mampan.
- Melindungi, Memulihkan serta Menggalakkan Penggunaan Mampan Ekosistem Daratan dan Menghentikan Kemusnahan Tanah serta Kepelbagaian Biodiversiti.
- Menggalakkan Masyarakat Aman dan Inklusif untuk Pembangunan Mampan untuk Semua.
- Mengukuhkan Kaedah Pelaksanaan.



# Komited tidak lulus pembangunan di atas tanah pertanian aktif

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




**DR. Afif Bahardin (berkot) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan peserta pada Majlis Graduasi FFS 2019 di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri bertegas untuk tidak meluluskan sebarang pembangunan di atas tanah pertanian yang masih aktif terutamanya kawasan sawah padi.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa setiap negeri dalam negara termasuk Pulau Pinang ketika ini berdepan dengan tekanan pembangunan yang semakin pesat sehingga mengancam kawasan jelapang padi.

"Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo juga telah bersetuju dan meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk lebih proaktif berkenaan isu ini.

"Oleh itu, saya mohon kepada para petani dan pegawai di Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang) untuk sentiasa berada di lapangan serta memberikan maklumat supaya hal itu dapat diatasi," katanya pada Majlis Graduasi Farmers Field School (FFS) 2019 di sini 10 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang, Noor Mazirah Teh dan Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Dalam perkembangan berkaitan, Afif memberitahu bahawa Pulau Pinang mencatatkan purata hasil pengeluaran padi tertinggi dalam negara berbanding negeri-negeri lain.

Katanya, walaupun pengeluaran padi mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.6 peratus iaitu daripada 4,226 kilogram (kg) pada tahun 2017 kepada 4,199kg (2018), namun jumlah tersebut masih tinggi berbanding dengan purata pengeluaran padi nasional.

"Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada anda (pesawah) semua kerana berjaya mengekalkan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling produktif mengeluarkan padi di seluruh negara.

"Sebagai Exco Pertanian, saya mengharapkan peningkatan usaha semua pihak dalam meningkatkan pengeluaran hasil padi negeri bagi mencapai sasaran enam tan per hektar.

"Saya yakin, sekiranya sasaran itu dapat dicapai, kita semakin hampir dengan Tahap Sara Diri (SSL) yang diletakkan untuk negeri Pulau Pinang," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sedia membantu para petani dan menggalakkan usahawan muda melalui Tabung Usahawan Tani dengan memperluaskan kelayakan umur peminjam kepada 60 tahun dan kadar pinjaman sebanyak RM5,000.

# Program Happy Penang ke arah negeri gembira untuk dihuni

**GEORGE TOWN –** Program Happy Penang yang sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan adalah usaha bagi menggerakkan bantuan menangani masalah berkaitan kesihatan dan gangguan mental secara menyeluruh di peringkat negeri.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, stigma dan perspektif negatif terhadap penyakit mental termasuk kemurungan rata-ratanya mengakibatkan pesakit malu untuk mendapat bantuan daripada kaunselor, psikologi atau psikiatri profesional.

"Hakikatnya, saya yakin masih banyak lagi stigma yang wujud dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila berbicara tentang kesihatan mental.

"Pandangan negatif ini mengakibatkan pesakit tidak mahu menonjolkan diri mereka kepada pakar yang akhirnya menyebabkan keadaan kesihatan (mental) mereka semakin teruk dan terlepas daripada mendapatkan saringan serta bantuan kesihatan yang wajar.

"Justeru, jawatankuasa Happy Penang ini yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri dengan bantuan pelbagai sektor kerajaan dan swasta seperti Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Hospital Pulau Pinang (HPP), Pusat Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI), badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Minda D'Home, *Befrienders* dan lain-lain diharap dapat membantu mempromosikan program-program sewajarnya agar lebih ramai rakyat serta pesakit sedar bahawa ianya adalah *'ok'* dan sesuatu yang normal untuk mendapatkan rawatan pakar.

"Saya yakin kalau kita (Pulau Pinang) boleh lakukan ini secara konstruktif, kita dapat lakukan di peringkat akar umbi dengan lebih menyeluruh, maka akan dapat wujudkan tahap kesihatan mental yang lebih baik untuk rakyat Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Mental 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 10 Oktober lalu.

Sesuai dengan tema 'Sayangi Nyawa Hidupkan Harapan', sambutan tahun ini memfokuskan kepada tingkah laku dan pencegahan bunuh diri seiring dengan Kempen Let's Talk Minda Sihat yang dilancarkan oleh Menteri Kesihatan.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Asmayani Khalib; Datin Dr. Azizah Abd. Manan (Pegawai Kesihatan Daerah Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut); Dr. Siti Nor Aizah Ahmad (Ketua Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HPP) dan Dr. Rozaini Mat Shah (wakil Timbalan pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang).

Hasil Tinjauan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2017 menunjukkan bahawa kesihatan mental adalah penting dan perlu diambil peduli oleh semua pihak, institusi kekeluargaan yang kukuh, tempat persekitaran kerja produktif serta suasana di sekolah yang kondusif memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan mental.

Difahamkan bahawa melalui tinjauan tersebut, Pulau Pinang mencatatkan 9.5 peratus pelajar sekolah menengah yang didapati pernah mempunyai idea untuk membunuh diri, merancang bunuh diri (7%) dan cubaan bunuh diri (6%).

Menyedari keadaan tersebut, Afif memberitahu bahawa ke arah mencapai tahun 2030, Kerajaan Negeri bukan sahaja meletakkan sasaran untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri pintar dan hijau dari segi teknologi serta infrastruktur, malah lebih penting turut menjadikan fokus kekeluargaan sebagai visinya.

"Kerajaan Negeri percaya rakyat di Pulau Pinang yang majoritinya memilih untuk menetap di negeri ini bukan sahaja disebabkan kerja, malah juga memilih untuk membina keluarga serta kehidupan di sini.

"Maka atas dasar itu, pembangunan jasmani, fizikal serta mental harus bergerak seiringan demi mencapai Visi Penang2030. Justeru, saya berharap semua yang berada dalam jawatankuasa Program Happy Penang akan bersama-sama saya menjayakan hasrat ini iaitu membantu pesakit memerlukan sekaligus menjadikan Pulau Pinang negeri yang gembira untuk dihuni," serunya.



# MoU tingkat hubungan perdagangan bilateral dan pelaburan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI**

**GEORGE TOWN -** Penang International Halal Hub Development Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Halal Penang memeterai perjanjian persefahaman (MoU) termasuk persetujuan meningkatkan lagi hubungan perdagangan bilateral dan pelaburan dengan entiti pemerintahan dari Republik Rakyat China.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, Pulau Pinang turut bersetuju untuk menawarkan latihan dan sokongan bagi pensijilan serta akreditasi halal sejajar dengan peningkatan permintaan produk halal dekat bandar yang terletak di Wilayah Sichuan itu.

"Perjanjian ini akan mengeratkan lagi kerjasama menerusi perkongsian teknologi dalam membangunkan industri halal di bandar Chengdu memandangkan kini kesedaran mengenai potensi industri halal kian bercambah," ujarnya pada Majlis Menandatangani MoU antara Halal Penang dan The Chengdu Restaurant Industry Association (Halal Restaurant Food Council) di sini 16 Oktober lalu.




**ABDUL Halim Hussain menyaksikan pertukaran dokumen antara pihak berkaitan sejurus selesai Majlis Menandatangani MoU antara Halal Penang dan The Chengdu Restaurant Industry Association di sini baru-baru ini.**

MoU ditandatangani oleh Pengurus Besar Halal Penang, Mohamad Firhan Mohamed Ghouse dan *The Chengdu Restaurant Industry Association (Halal Restaurant Food Council)* diwakili Timbalan Presidennya, Lan Ping sambil disaksikan Abdul Halim yang juga Pengerusi Halal Penang dan Naib Datuk Bandar Chengdu, Liu Xiao Liu.

Turut dilancarkan *Penang - Chengdu Friendship Association.*

Dalam pada itu, Xiao Liu ketika berucap menzahirkan penghargaan kepada Halal Penang yang menjadi hos selama tiga hari berada di Pulau Pinang.

Beliau percaya, melalui perjanjian dan pelancaran *Penang - Chengdu Friendship Association* berkaitan akan mengembangkan lagi potensi industri halal bagi memenuhi permintaan yang kian tinggi kini.

"Bandar Chengdu mempunyai populasi 17 juta penduduk dengan susur galur sejarahnya menjangkaui lebih 2,300 tahun dan merupakan pusat bagi pembangunan sains serta teknologi di China selain menjadi rumah untuk penyelidikan dan pembiakan '*Giant Panda*'.

"Bandar Chengdu juga berkongsi persamaan dengan Pulau Pinang dari segi gastronomi makanan, dan memandangkan permintaan makanan halal semakin meningkat, saya percaya perjanjian ini akan dapat memenuhi permintaan tersebut," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Xiao Liu turut menyambut baik cadangan agar mewujudkan penerbangan terus Pulau Pinang ke bandar Chengdu.

Jelasnya, inisiatif tersebut akan menawarkan lebih banyak ruang kerjasama dalam pelbagai sektor pada masa hadapan antara Pulau Pinang dan bandar Chengdu yang terletak di Wilayah Sichuan.

## Penang Sihat demi wujud masyarakat dengan kesihatan baik

**SEBERANG JAYA –** Program Penang Sihat yang julung kali diadakan dilihat membantu serta memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa adalah penting untuk masyarakat Pulau Pinang menjadi lebih peka serta prihatin dalam aspek penjagaan kesihatan.

"Sehingga tahun 2016, Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 41,600 kes aktif (diabetes) dan seramai 587 warga negeri khususnya menghidapi penyakit diabetes yang juga dikenali sebagai *'silent killer disease'*.

"Ini menunjukkan bahawa rakyat Pulau Pinang tidak tahu bagaimana untuk mengenal pasti tanda-tanda awal akan masalah diabetes yang mana akhirnya membawa kesulitan kepada mereka untuk mendapatkan rawatan secara proaktif serta efektif.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil langkah-langkah proaktif dan berkesan dengan merangka strategi advokasi, latihan serta program-program kesedaran khusus untuk warga negeri dalam aspek penjagaan kesihatan mereka," ucapnya semasa majlis pelancaran program berkaitan di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Shuhada Abdul Rahim; Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr. Marina Kamaruddin dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi), Zubaidah Che'Embee.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Dr. Ong Ai Leng; wakil Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Dr. Mohamed Iqbal Hamzah; Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Dr. Noraishah Jaafar; Pengasas BookDoc, Datuk Chevy Beh; Ketua Pegawai Eksekutif Pantai Premier Pathology, Mohd. Hareef Muhammed dan Pensyarah Perubatan & Pakar Sakit Puan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Salina Sany.

Mengulas lanjut, Afif memaklumkan bahawa kerjasama daripada semua pihak khususnya agensi kerajaan seperti Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah dengan sokongan 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dalam menjayakan program berkaitan amatlah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri.

"Program Penang Sihat ini mempunyai pelbagai input yang bermanfaat seperti memberikan kesedaran tentang penjagaan kesihatan fizikal seperti diabetes, hipertensi dan mengesan awal risiko penyakit tidak berjangkit, masalah obesiti serta penjagaan kesihatan gigi yang dapat membudayakan gaya hidup yang sihat.

"Ini juga merupakan tanggungjawab saya bersama-sama Kerajaan Negeri untuk memastikan warga negeri mengamalkan gaya hidup yang sihat selaras dengan Visi Penang2030 iaitu ke arah meningkatkan kualiti hidup, kesejahteraan serta kesihatan penduduk negeri ini.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa komited dalam mewujudkan masyarakat Pulau Pinang yang bukan sahaja mempunyai kualiti kesihatan baik, malah dapat mengakses kemudahan rawatan berteknologi tinggi yang mampu memberi manfaat kepada semua di negeri ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin berkata usaha yang ditonjolkan oleh Afif bersama-sama agensi yang terlibat dalam menjayakan program berkaitan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

"Usaha sama yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta dalam menjayakan program ini adalah wajar diberi pujian kerana sesuatu dasar atau program yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri tidak dapat dijalankan tanpa sokongan pihak-pihak berkaitan.

"(Dan) kerjasama yang ditunjukkan oleh semua ADUN Pulau Pinang membuktikan bahawa komitmen wakil rakyat di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam mewujudkan masyarakat yang hidup sejahtera dengan kesihatan yang baik," jelas beliau.



# Hasil kajian ternak tiram CEMACS USM wajar dikomersialkan

**TELUK BAHANG -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap hasil kajian Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai penternakan tiram secara komersial dapat dimanfaatkan demi menjana pertumbuhan ekonomi rakyat dan negeri.

"Kerajaan Negeri berminat untuk melihat hasil kajian yang dapat dikomersialkan seperti penternakan tiram yang berpotensi mendatangkan hasil lumayan kepada penternak dan nelayan.

"Melalui kajian saintifik CEMACS, dapat diterjemahkan sebagai satu lagi sektor ekonomi... dari segi meningkatkan pendapatan rakyat kita yang menceburi bidang (penternakan tiram)," jelasnya ketika melawat pusat penyelidikan itu di Taman Negara Teluk Bahang dekat sini pada 19 Oktober lalu.

Sebelum itu, Pengarah CEMACS @ USM, Prof. Datuk Dr. Aileen Tan Shau Hwai menjelaskan mengenai teras utama perkhidmatan di pusat penyelidikan samudera tertua negara berkaitan.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Naib Canselor USM, Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan; Profesor Kehormat Pusat Kajian Sains Kaji Hayat USM, Prof. Dr. Zulfigar Yasin turut sertai acara rasmi tersebut.



**KETUA Menteri dan Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (berkemeja biru) mendengar penjelasan daripada Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai (dua dari kiri) pada lawatan khas ke CEMACS USM di sini baru-baru ini.**

## Garisan zig-zag diperkenal demi tingkat keselamatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PULAU TIKUS –** Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan serta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) komited melaksanakan projek perintis bagi meningkatkan keselamatan jalan raya.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, projek perintis berkenaan adalah usaha ke arah penambahbaikan Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 (KLJ 1959).

Menurutnya, KLJ 1959 sudah lama tidak dikemaskini dan keperluan untuk mengkaji semula adalah perlu demi menambah baik prasarana lintasan pejalan kaki agar menjadi lebih selamat.

"Sebagai langkah pertama, projek perintis ini akan mengkaji penggunaan garisan zig-zag seperti mana di negara lain (garisan zig-zag) ia berjaya mengurangkan kelajuan kenderaan, meningkatkan pematuhan had laju oleh pemandu serta meningkatkan kesedaran pemandu terhadap lintasan pejalan kaki di hadapan.

"Kajian ini akan berlangsung selama sebulan dan hasil kajian tersebut akan diketahui pada Disember nanti, yang mana pihak MIROS akan membantu untuk memantau dan mengumpul data berkaitan.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita berharap projek perintis ini akan menjadi pemangkin dalam menjadikan lintasan pejalan kaki serta jalan raya di Malaysia lebih selamat untuk semua," ujar beliau pada sidang media pengumuman projek berkenaan di sini 3 Oktober lalu.

Difahamkan, amalan terbaik seperti garisan zig-zag tersebut turut diadaptasikan oleh negara-negara yang mempunyai sistem jalan raya serupa seperti Singapura, Hong Kong dan United Kingdom.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Connie Tan Hooi Peng; Ir. Zainuddin Mohd. Shariff (Jurutera Kanan Lalulintas & Pengangkutan Awam MBPP); T. Thurkah (Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya, JKJR Pulau Pinang) dan wakil pihak MIROS.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memberitahu bahawa rentetan beberapa kes kemalangan maut yang berlaku di lintasan pejalan kaki di negeri ini beberapa tahun lalu, pihak MBPP juga telah meningkatkan beberapa kaedah lalu lintas bagi membendung perkara sama agar tidak berulang lagi.

"Antara usaha yang Majlis telah laksanakan adalah memperkenalkan amaran *'LOOK LEFT/ LOOK RIGHT'*, 'AWAS' di lintasan pejalan kaki terkawal, mengecat semula *speed table* dan garisan pejalan kaki mengikut spesifikasi yang betul serta mengecat semula lintasan pejalan kaki terkawal serta tidak terkawal mengikut warna yang betul.

"Walaupun beberapa langkah di atas telah diambil, namun didapati bahawa kesedaran awam mengenai prasarana lintasan kaki adalah rendah, ramai sebenarnya yang masih tidak tahu tentang perbezaan jenis-jenis lintasan pejalan kaki yang ada.

"Kekurangan kesedaran mengenai perbezaan di antara lintasan terkawal dan lintasan tidak terkawal bukan sahaja dalam kalangan orang ramai, bahkan pihak-pihak berkuasa jalan.

"Berdasarkan semakan di Daerah Timur Laur (DTL) pada awal tahun ini mendapati bahawa terdapat lintasan jalan yang tidak mengikuti spesifikasi teknikal sepatutnya, termasuk warna garisan, lebar garisan serta papan tanda amaran.

"Malah, terdapat kawasan yang mana dua lintasan pada jalan yang sama menggunakan spesifikasi berlainan. Justeru, MBPP telah diarahkan untuk menyelaraskan lintasan-lintasan di bawah seliaan mereka dan tindakan penambahbaikan sedang dilaksanakan di jalan-jalan yang telah dikenal pasti," jelasnya lanjut.



**ZAIRIL Khir Johari dan beberapa pihak berkaitan memantau lintasan dekat Jalan Burmah yang dipilih sebagai lokasi pelaksanaan projek perintis bagi meningkatkan keselamatan jalan raya di sini baru-baru ini.**



# Menteri respons bantahan pemohon PPR Permatang Tok Subuh tercicir

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**ZURAIDA Kamaruddin (bertudung merah jambu) dan Jagdeep Singh Deo (kiri sekali) meramahi sebahagian penduduk pada Majlis Pelancaran dan Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Sewa Beli PPR baharu di sini baru-baru ini.**

**MACHANG BUBUK -** Kira-kira 100 individu, mengaku sebagai penduduk asal Kampung Permatang Tok Subuh mengadakan bantahan secara aman terhadap Majlis Pelancaran dan Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Sewa Beli Projek Perumahan Rakyat (PPR) baharu di sini pada 16 Oktober lalu.

Mereka mendakwa unit PPR kategori bertanah dalam projek perumahan awam itu langsung tidak ditawarkan kepada penduduk asal.

Dalam reaksi spontan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin memberitahu bahawa Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri setakat ini mengeluarkan 80 surat tawaran kepada pemohon, sungguhpun jumlah unit kediaman di sini keseluruhannya sebanyak 231 buah.

"Pada hari ini (16 Oktober 2019), kita menyerahkan 20 daripada 80 surat tawaran kepada pemohon yang layak, masih ada 150 lagi unit PPR belum ditawarkan kepada mana-mana pihak," jelasnya ketika merasmikan majlis tersebut.

Turut berucap, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).

Selepas itu, Zuraida diiringi Jagdeep mengadakan dialog dengan 42 penama yang mengaku memohon untuk unit kediaman PPR di sini melalui agensi Persekutuan, Lembaga Kamajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), tapi langsung tidak tersenarai sebagai penerima surat tawaran pada hari berkaitan.

"Tadi, saya telah mengadakan perbincangan dengan mereka...mereka membuat permohonan melalui (agensi persekutuan) PERDA (Lembaga Kamajuan Wilayah Pulau Pinang).

"Maka, sudah pastilah Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha) Kerajaan Negeri yang menguruskan proses permohonan PPR Kampung Permatang Tok Subuh tidak tahu.

"Tapi tidak mengapa, saya minta Pegawai Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) untuk membuka kaunter di sini bagi memproses 42 permohonan (mereka yang tercicir) tadi.

"42 pemohon ini akan diberi keutamaan untuk kita tapis, sama ada layak atau tidak untuk ditawarkan PPR Kampung Permatang Tok Subuh," katanya kepada pemberita.

Beliau turut meminta Jagdeep melalui SPEC supaya memberi keutamaan kepada 42 pemohon berkenaan untuk membeli PPR kategori bertanah di sini, jika layak.

Turut serta, dua wakil jawatankuasa penduduk asal Kampung Permatang Tok Subuh, Hamidah Che Embi, 51, dan Rosli Shukor, 43.

Bercakap dalam sidang media sama, Jagdeep menyatakan bahawa pembeli unit PPR di sini menerusi Skim Sewa Beli hanya membayar RM205 sebulan kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh 20 tahun.

"Skim Sewa Beli ini hanya RM205 sebulan, untuk tempoh 20 tahun, pada akhir pembayaran dalam tempoh 20 tahun ini jumlah bayaran mereka keseluruhannya sebanyak RM49,000 termasuk (kenaan) faedah 2 peratus," ujarnya sambil memberitahu harga rumah kediaman itu adalah murah berbanding nilai pasaran sebenar disebabkan subsidi oleh kerajaan.

Sementara itu, **SAAD YAHYA**, 61, dan isteri, **SITI ASSIAH HASHIM**, 60, menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana tersenarai sebagai 20 penerima Surat Tawaran Skim Sewa Beli PPR Kampung Permatang Tok Subuh.

Menurut Saad, beliau menunggu selama hampir dua tahun, selepas membuat permohonan PPR langsung melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Sebelum ini, kami menyewa PPR di Flat Desa Wawasan, dekat Bukit Mertajam juga hampir 15 tahun juga.

"Tiap-tiap bulan, kami bayar RM100 sahaja, tidak ada tunggakkan langsung.

"Kerja sebagai pemandu teksi, umur dah 61 tahun, kami payah dah nak pinjam bank, tapi mujur ada Skim Sewa Beli yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri terutama SPEC.



**RUPA bentuk unit kediaman yang dibina serta ditawarkan.**

## *Dodgeball* mampu popular dengan usaha pelbagai pihak

**BAYAN LEPAS –** Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap sukan *dodgeball* dapat diperluaskan ke peringkat sekolah secara lebih meluas sebagai usaha melahirkan lebih ramai pelapis.

Menurutnya, walaupun sukan berkenaan baharu sahaja dikenali di Pulau Pinang, namun beliau yakin dengan pelbagai pendedahan dan platform, permainan tersebut mampu menjadi popular dan lahirkan lebih ramai pemain.

"Mungkin tidak ramai yang mengetahui tentang sukan baharu ini, namun jika ianya dipromosikan secara lebih meluas dengan mengadakan pelbagai 'klinik sukan *dodgeball*' atau masuk ke sekolah-sekolah, saya percaya kita (Pulau Pinang) mampu menarik lebih ramai bakat untuk menyertainya.

"Sekolah merupakan lokasi terbaik untuk mencari bakat-bakat dalam sukan ini, memandangkan kini sukan ini juga telah diiktiraf untuk dijadikan sebagai sebahagian ko-kurikulum sekolah, justeru saya percaya ia mampu menjadi salah satu sukan popular seperti (sukan) yang lain," ujarnya ketika hadir pada Majlis Penutup Kejuaraan Dodgeball 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An; Presiden Persatuan Dodgeball Pulau Pinang, Alson Tay dan wakil Jabatan Sukan dan Belia Negeri Pulau Pinang.

*Dodgeball* merupakan permainan yang mana pemain kedua-dua pasukan cuba membaling bola ke atas satu sama lain, sambil mengelak daripada terkena bola berkenaan, seakan-akan permainan bola beracun.

Pada penganjuran kejuaraan julung kali berkenaan, sebanyak tiga kumpulan berentap, yang mana hadiah pasukan johan adalah wang tunai bernilai RM700 beserta medal, kedua (RM500 dan medal) dan ketiga (RM300 dan medal).

Serentak itu, MSNPP turut mengumumkan pemberian RM5,000 kepada persatuan berkenaan untuk pengembangan sukan berkaitan di Pulau Pinang.



# Malam Semarak Puisi inspirasi rakyat berbilang kaum

Teks : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM -** Kecintaan tokoh seperti Dr. Lim Swee Tin terhadap bahasa Melayu terutama dalam melagukan syair seharusnya dijadikan sumber inspirasi kepada semua rakyat Malaysia berbilang kaum di tanah air ini.


SALAH seorang deklamator yang mengambil bahagian.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata demikian ketika merasmikan Malam Semarak Puisi Sayangi Malaysiaku Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal di sini 21 September lalu.

"Pada malam ini, bersama-sama kita seorang penggiat puisi yang tidak asing lagi iaitu Dr. Lim Swee Tin (Swee Tin), orang Cina tapi banyak mendeklamasikan puisi dalam bahasa Melayu.

"Kita sebagai rakyat Malaysia patut seperti Swee Tin, berasa bangga dengan budaya negara ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada majlis tersebut.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat turut merakamkan penghargaan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Bertam Indah, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Persatuan Penggerak Seni Budaya (PERSADA) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bertam Indah atas penganjuran majlis tersebut, sempena sambutan Bulan Kemerdekaan pada kali ini.

Selain Swee Tin, Ahmad Zakiyuddin sendiri turut mendeklamasi sajak pada majlis tersebut.

Pendeklamasi lain, antaranya, Zainuddin Abdul, Tarmizi Osman, Mawar Marzuki, Salleh Yaacob, Ustaz Suhaizi Semail, Azirawati Mohd. Nor, Julayda Hashim, Shaharuddin Othman, Jameela Abd. Roni dan Muhammad Danish Syarul Rizal.

Selain acara deklamasi sajak, kira-kira lebih 200 hadirin turut dihiburkan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan terkenal Inteam.


IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri) saling berkongsi pendapat dengan Dr. Lim Swee Tin pada penganjuran Malam Semarak Puisi Sayangi Malaysiaku Peringkat KADUN Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.

## Talasemia, umum diseru jalani saringan

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Indsutri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyumbang RM10,000 kepada Pertubuhan Talasemia Pulau Pinang bagi menampung kos rawatan para pesakit berkaitan.

Afif berkata, sumbangan tersebut diharap mampu meringankan kos rawatan bagi pembelian peralatan dan sebagainya demi membantu pesakit-pesakit talasemia di negeri ini.

"Saya juga menyeru agar lebih ramai individu dan badan-badan korporat di negeri ini supaya tampil membantu mereka yang menghidap atau membawa genetik talasemia.

"Selain itu, penganjuran program seperti *'Let's Walk For Thalassaemia'* juga diharap dapat membantu pesakit-pesakit talasemia khususnya melalui Pertubuhan Talasemia Pulau Pinang," ucapnya pada program berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin; Presiden Pertubuhan Talasemia Pulau Pinang, Noorasyikin Md. Saad dan wakil-wakil penaja.

Dalam pada itu, Afif memaklumkan bahawa berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa satu daripada 20 rakyat Malaysia adalah pembawa genetik talasemia.

"Oleh itu, saya sarankan juga kepada yang belum pernah melakukan saringan supaya ke klinik-klinik berhampiran untuk membuat ujian talasemia," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Pada program tersebut, kira-kira 1,000 peserta mengambil bahagian dalam acara berjalan kaki sejauh lima kilometer (km).



# Lahir lebih ramai usahawan luar bandar atasi penghijrahan anak muda

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**BAYAN LEPAS –** Agensi-agensi kerajaan sama ada pada peringkat negeri mahupun Persekutuan perlu mengetengahkan lebih ramai usahawan di kawasan luar bandar, saran Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Hasrat tersebut umumnya dapat direalisasikan dengan penglibatan pemain industri dalam program-program anjuran agensi-agensi berwajib.

"Melalui inisiatif ini, maka trend penghijrahan golongan muda ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan dapat diatasi.

"Lagipun ramai anak-anak muda hari ini telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka, jadi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan perlu memainkan peranan menyesuaikan perniagaan masing-masing dengan industri berkaitan," ujarnya pada Program Jelajah Desa Peringkat Daerah Barat Daya (DBD) di Bandar Baru Teluk Kumbar dekat sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Pegawai Daerah bagi DBD, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Penghulu DBD, Mohd. Farouk Varusai Mohd. dan Khalid Zakaria.

Mengambil contoh pemilik restoran makanan barat *Streeto Pizza*, **AFFIQ AIMAN AZHAR**, Afif percaya bahawa lebih ramai usahawan muda dapat dilahirkan.

"Hari ini (Affiq) Aiman mempunyai 15 pekerja dan bayangkan sekiranya ada 10 (orang) lagi seperti (Affiq) Aiman, berapa ramai masyarakat desa mendapat peluang pekerjaan.

"Apabila ada peluang pekerjaan di desa, maka anak muda tidak perlu lagi berhijrah ke bandar, dan sebagai sebuah kerajaan, pasti kita boleh membantu usahawan muda seperti ini," jelasnya.

Selain *Streeto Pizza* yang merupakan lokasi persinggahan pertama program, rombongan Jelajah Desa turut mengunjungi kediaman **NORNADHIRAH MOHAMAD SHAH** di Teluk Kumbar yang merupakan penerima bantuan mesin jahit tepi.

Jelajah kemudiannya diteruskan ke kediaman **MAT ISA MONTEL** di Kampung Paya, Balik Pulau yang menerima bantuan bagi membaiki rumah sebelum ke premis pembungkusan herba milik **HISHAM ISMAIL** di Balik Pulau bagi menyampaikan mesin pengisar.

Rombongan kemudiannya dibawa ke Kuala Sungai Pinang untuk melihat pengusaha industri kecil, **ROZAIDA MOHD. KASSIM** yang membuat dodol bersama-sama anaknya, **NUR AIMI RAZAK**.

Destinasi terakhir adalah penyampaian bantuan kepada golongan kurang berkemampuan di Dewan Perda Taman Nelayan Sungai Pinang.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara berkesempatan menemuramah Affiq Aiman yang berhasrat mendapat bantuan mesin pembakar piza yang mempunyai sistem konveyor daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kalau ada mesin itu, proses 'memasak' piza akan jadi lebih cepat dan pelanggan pun akan berpuas hati dengan perkhidmatan pantas kami.

"Bagi saya bantuan sebegini (berupa peralatan oleh Kerajaan Negeri) bagus untuk diperluaskan bagi membantu usahawan-usahawan muda macam saya," katanya yang sudah lima tahun berkecimpung di dalam industri berkaitan.

Bagi Nornadhirah, mesin jahit tepi mudah alih yang diterima daripada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah DBD sangat membantu urusan menyiapkan tempahan pelanggan.

"Kalau mesin yang 'betul' memang mahal, bagaimanapun dapat yang mudah alih macam ini pun sudah cukup memudahkan saya untuk siapkan tempahan pelanggan.

"Buat sementara waktu memang tidak ada kedai, jadi dengan kunjungan YB Exco hari ini, saya kalau boleh nak minta dapatkan kedai bagi mengembangkan lagi perniagaan saya dan seterusnya memiliki jenama sendiri," kongsinya yang merupakan graduan dalam bidang Pentadbiran Awam.

Perniagaan dodol yang diusahakan oleh Rozaida dan Nur Aimi tidak kurang hebatnya.

Memfokuskan perniagaan secara *offline* di sekitar kawasan setempat, dodol buatan dua beranak ini turut berjaya memasuki pasaran antarabangsa.

"Kami dah berniaga kira-kira 12 tahun, memang fokus kawasan setempat, tapi kami juga menerima tempahan dari luar Pulau Pinang termasuk luar negara iaitu yang ingin bungkus bawa balik.

"Sebelum ini, kami pernah dapatkan bantuan daripada Jabatan Pertanian untuk geran mesin sebanyak dua kali dan bimbingan usahawan," jelas Nur Aimi.

Difahamkan, Nur Aimi dan ibunya mampu menghasilkan pengeluaran dodol sehingga 240 kilogram (kg) setiap bulan.

Memiliki kediaman selesa merupakan impian setiap insan dan dengan bantuan dari GIATMARA, Mat Isa kini mampu menarik nafas lega.

"Bersyukur dengan rumah baharu ini, cukup untuk kami 10 beranak berteduh daripada hujan panas.

"Lagipun, kami tidak lagi perlu risau apabila berpindah dari rumah sebelum ini yang sangat usang serta tidak selamat," ujarnya yang melakukan kerja pertukangan di Kampung Paya, Balik Pulau.




**MAT Isa Montel (empat dari kiri) menerima plak penghargaan daripada Dr. Afif Bahardin (tengah) bersempena Program Jelajah Desa DBD di sini baru-baru ini.**



**NORNADHIRAH Mohamad Shah menunjukkan kebolehan menjahit beliau.**



**MESIN pengisar diterima Hisham Ismail bagi perusahaan pembungkusan herbanya.**



**NUR Aimi Razak (kanan) bersama-sama ibunya, Rozaida Mohd. Kassim menunjukkan produk yang dihasilkan mereka.**




**DR. Afif Bahardin (empat dari kanan) menerima cenderamata isitimewa daripada Affiq Aiman Azhar (tiga dari kanan).**

# Sumbangan gelanggang sepak takraw demi lahir bakat baru

Gambar : **ADUN**

**TANJUNG BUNGA –** Inisiatif mewujudkan lebih banyak gelanggang sepak takraw di peringkat komuniti mampu menyemai minat anak-anak muda terhadap sukan tersebut, kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Gelanggang Sepak Takraw di sini 12 Oktober lalu.

"Pada suatu ketika dahulu, Tanjung Tokong terkenal dalam melahirkan ramai pemain-pemain sepak takraw legenda yang mengharumkan nama Pulau Pinang.

"Namun, pada pemerhatian saya, ianya seolah-olah diabaikan oleh generasi hari ini akibat kurangnya gelanggang sepak takraw di kawasan ini.

"Kini, saya bersyukur apabila dimaklumkan tentang inisiatif syarikat korporat dan pemaju E&O Berhad dalam mewujudkan gelanggang sepak takraw baharu di kawasan *Straits Green* bagi kegunaan masyarakat setempat," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Tokong, Mohd. Shukri Din; Pengurus Besar Kanan E&O Berhad, Datuk Zawawi Yusop dan bekas pemain-pemain negeri serta kebangsaan.

Tambah Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga menyatakan bahawa pendekatan berkenaan mampu menjadi pentas dalam melahirkan lebih ramai jaguh sepak takraw.

"Malah, juga tidak mustahil mampu mengembalikan era kegemilangan sepak takraw bagi negara kita kelak," katanya yang bersyukur dengan inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat tersebut.



**ZAIRIL Khir Johari (tengah, berbaju putih) merakam gambar kenangan bersama-sama pihak berkaitan dan para peserta yang mengambil bahagian bersempena Majlis Perasmian Gelanggang Sepak Takraw di sini baru-baru ini.**





REBAT 9%

Hanya Bayar 1% Sehingga Pemilikan Penuh !

Sijil Layak Menduduki Menjelang Disember 2019

Keluasan Unit 1,114 kps & 1,183 kps




Pelan Lokasi




TPPT

Pemaju Projek
TPPT Sdn. Bhd. (208360-D)
Tingkat 7 & 8, Menara Takaful,
Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Web Site : www.tppt.com.my

Talk to us

Ejen Pemasaran Eksklusif
Property Talk
Registered Estate Agents
Company Reg. No. E (3) 0975

EJEN HARTA TANAH
E-1820

Untuk maklumat lanjut atau ingin kunjungi rumah contoh, sila hubungi
04-649 1221 / 016-414 7056 / 012-550 4001

Lawati laman web kami www.propertytalk.com.my

Butir-butir Keterangan . No. Lesen Pemaju: 6767-47/01-2020/0116(L) . Tempoh Sah: 31/01/2018 - 30/01/2020 . No. Permit Iklan Dan Jualan: 6767-47/01-2020/0116(P) . Tempoh Sah: 31/01/2018 - 30/01/2020 . Kelulusan Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) . No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB(7990)/15(LB) . Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas . Julah Unit: 411 unit . Tarikh Dijangka Siap: Disember 2019 . Bebanan Tanah: Tiada . Sekatan Kepentingan: Tiada . Harga Jualan Bumiputra: (min) RM498,465.00 - (maks) RM578,930.00 . Harga Jualan Bukan Bumiputra: (min) RM524,700.00 - (maks) RM609,400.00

# *Trash Free Hill*, tanggungjawab semua jaga kebersihan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **EDMUND LEE**



PARA sukarelawan mengasingkan sampah yang berjaya dikumpul.



JOSEPH Ng Soon Siang (kiri sekali) dan Cheok Lay Leng (dua dari kiri) bersama-sama sebahagian sukarelawan merakamkan gambar kenangan sejurus aktiviti utama yang berlangsung bersempena penganjuran *Trash Free Hill* di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Sejumlah 480.61 kilogram (kg) sampah berjaya dikutip menerusi program *Trash Free Hill* anjuran Perbadanan Bukit Bendera (PHC) pada 29 September lalu.

Pengurus Besar PHC, Dato' Cheok Lay Leng berkata, kira-kira 1,000 sukarelawan dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi mengutip sampah di lapan laluan mendaki menuju ke Bukit Bendera.

"Program tersebut bertujuan menyedarkan masyarakat tentang peri penting tanggungjawab menjaga alam sekitar yang secara tidak langsung dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

"PHC juga komited terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem semula jadi kerana ia menjadi tanggungjawab orang ramai untuk menekankan pentingnya menjaga kebersihan.

"Sebagai rekod, penyertaan penganjuran tahun kedua ini adalah amat memberangsangkan kerana berjaya menarik lebih 1,000 sukarelawan berbanding jumlah 550 (sukarelawan) tahun lalu," ujarnya sambil memuji semangat semua sukarelawan yang menyertai program tersebut di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang yang mewakili Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

Difahamkan, sampah-sampah yang telah dikumpulkan pada program tersebut akan dihantar untuk dianalisa.

Dalam pada itu, Soon Siang ketika menyampaikan ucapan memberitahu, inisiatif murni itu mencerminkan usaha kolektif PHC dalam menjaga alam sekitar untuk faedah bersama.

"Diharap dengan penganjuran program-program seumpama ini mampu mengurangkan sampah yang dikumpul," jelasnya.

# Naik taraf parit Jalan Tembikai demi kurang risiko banjir



CHONG Eng (kiri sekali) diiringi Bernard Cheen Goon Hooi (dua dari kanan) bersama-sama dua pegawai Jabatan Kejuruteraan MBSP pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

**PADANG LALANG -** Parit sedia ada sepanjang 300 meter (m) di lot komersial Taman Mutiara dekat Jalan Tembikai diperbesar dan diperdalamkan dengan keluasan 900 x 900 demi mempercepat arus air hujan ke Rumah Pam Parit 4 di sini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berharap projek yang menelan belanja RM164,000 daripada sumber Tabung Caruman Tebatan Banjir itu dapat mengurangkan lagi risiko banjir di sekitar Jalan Tembikai.

Projek tersebut, menurut beliau, dijangka siap pada November ini.

"Kita harap projek (berskala) kecil ini dapat menyalurkan sebahagian air ke luar dari Jalan Tembikai ini, apabila hujan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang ketika mengadakan lawatan ke tapak projek di sini pada 11 Oktober lalu.

Turut serta, Ahli Majlis MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai), Bernard Cheen Goon Hooi dan beberapa pegawai dari Jabatan Kejuruteraan MBSP.

Menurut Chong Eng, risiko banjir Taman Seri Rambai waktu kejadian hujan terlalu lebat baru-baru ini berjaya dielakkan, kerana projek mitigasi di taman tersebut telah siap.

Justeru, beliau menolak tuduhan pembangkang kononnya Kerajaan Negeri gagal menangani masalah banjir kilat di beberapa bahagian Seberang Perai, sungguhpun telah membelanjakan puluhan juta ringgit.

"Banyak duit (caruman tebatan banjir) telah dibelanja dan banyak projek juga selesai, seperti di Taman Seri Rambai.

"Sekiranya tiada lagi fenomena hujan terlalu lebat bertembung dengan limpahan air parit monsun seperti bencana banjir besar pada 4 dan 5 November 2017 terjadi, hujan biasa sahaja, di kawasan (Taman Seri Rambai) ini dipercayai tidak banjir lagi.

"Ini menunjukkan projek mitigasi banjir yang dilaksanakan oleh kerajaan memang memberi kesan terhadap usaha mengurangkan risiko banjir," ujarnya.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(F) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnof@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



*Layari*

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Pulau Aman diiktiraf sebagai salah satu produk ekopelancongan negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengiktiraf Pulau Aman sebagai satu lagi produk ekopelancongan menarik di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Pulau Aman juga perlu menikmati limpahan ekonomi kerana mempunyai keunikan serta tarikan tersendiri seperti makanan, tempat bersejarah dan sebagainya yang masih kekal sehingga kini.

"Bagi memperkenalkan lagi Pulau Aman kepada pelancong tempatan serta luar negara, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Fiesta Pulau Aman pada tahun lalu dan menjadikannya sebagai acara tahunan.

"Lebih penting lagi, acara ini juga dimasukkan di dalam kalendar pelancongan Pulau Pinang yang menjadi rujukan utama para pelancong bagi merancang kunjungan mereka ke negeri ini.

"Justeru, saya berharap agar Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sebagai jentera kerajaan dapat memainkan peranan dan menggembleng tenaga dengan mengadakan kolaborasi bersama-sama penduduk, badan bukan kerajaan (NGO) serta pengusaha-pengusaha di Pulau Aman supaya ekonomi setempat dapat dimajukan.

"Inilah hasrat Kerajaan Negeri supaya masyarakat dapat menikmati hasil pembangunan, meningkatkan pendapatan serta menjadikan tempat kediaman atau kampung halaman sebagai ruang untuk menjana aktiviti ekonomi," ucapnya pada majlis penutup Fiesta Pulau Aman di sini 19 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani serta Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya.

Difahamkan, Fiesta Pulau Aman tahun ini diajurkan bersama-sama oleh Pejabat Daerah dan Tanah SPS dan Pusat Khidmat ADUN Bukit Tambun serta rakan-rakan strategik.

Pelbagai acara menarik turut diadakan sepanjang program berlangsung seperti Simulasi Operasi Menyelamat di Laut oleh Angkatan Pertahanan Awam dan Polis Marin, *jungle tracking*, perkhemahan, sukan rakyat, pameran oleh agensi-agensi kerajaan serta banyak lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa berdasarkan Kajian Pelancongan Pulau Pinang 2018 oleh Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati bahawa purata perbelanjaan bagi setiap pelancong ke negeri ini adalah sebanyak RM934.88 dengan tempoh penginapan selama 4.86 malam.

"Data ini menarik dan wajar dijadikan asas kepada strategi peningkatan perkhidmatan dalam produk pelancongan selaras dengan Visi Penang2030 yang turut memberikan keutamaan terhadap sektor ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Choon Aik dalam ucapannya sebelum itu menyeru kepada semua pihak supaya sentiasa memastikan Pulau Aman bersih serta indah bagi menarik lebih ramai kehadiran pelancong dari seantero dunia.

"Oleh itu, sebuah mesin *Economical Food Waste Composter* (EFWC) yang diusahakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama USM telah ditempatkan di sini bagi memastikan kebersihan kawasan ini kekal terjaga," jelasnya.



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri dan penduduk setempat tercuit hati memerhatikan gelagat Ketua Menteri membakar pulut udang bersempena penganjuran Fiesta Pulau Aman di sini baru-baru ini.



JETI Batu Musang yang menjadi perhentian bot-bot untuk ke Pulau Aman.




# Gazet Batu Ferringhi kawasan bebas asap rokok, halusi selaras penguatkuasaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**KAWASAN** pelancongan pantai terkemuka di Pulau Pinang, Batu Ferringhi bakal digazetkan sebagai kawasan bebas asap rokok.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, penggazetan kawasan tumpuan pelancongan sebagai kawasan bebas asap rokok itu adalah selaras dengan hasrat digariskan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bersih, hijau, sihat dan selamat.

Usaha tersebut dilihat berbaloi apabila menerusi inisiatif Penang Bebas Asap Rokok atau PENBAR, Kerajaan Negeri menerima pelbagai pengiktirafan daripada Pertubuhan Kawalan Tembakau Asia Tenggara (SEATCA) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Bagi tahun ini, Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk memperluaskan pelaksanaan PENBAR ke kawasan pelancongan di Batu Ferringhi bermula dari Masjid Terapung Tanjung Bunga sehingga kawasan Hotel Bayview Beach Resort.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan gazetkan keseluruhan kawasan pantai terutamanya, kiri dan kanan jalan serta semua premis perniagaan sepanjang jajaran berkaitan sebagai kawasan bebas asap rokok termasuk rokok elektronik.

"Sekarang ini pun sudah ada beberapa hotel yang menawarkan bilik atau tingkat larangan merokok kepada pengunjung, lagipun PENBAR ini adalah bagi melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok sebagaimana terkandung dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004) yang mana Kementerian Kesihatan (Malaysia) telah mewartakan 23 tempat larangan merokok," ujarnya pada Majlis Pelancaran Tempat Pelancongan Bebas Asap Rokok di Tanjung Bunga baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Mohd. Ali Sebran; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Asmayani Khalib dan Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut, Datin Dr. Azizah Ab. Manan.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa sebagai sebuah negeri yang menjadi pemacu ekonomi bagi sektor pelancongan, kejayaan melaksanakan inisiatif PENBAR bukan sahaja bergantung kepada tarikan sesuatu tempat, sebaliknya persekitaran yang selesa serta sihat.

Selain di Bayan Baru dan Balik Pulau di bahagian pulau, difahamkan, inisiatif PENBAR turut akan diperluaskan ke kawasan Bertam di Seberang Perai Utara (SPU); Seberang Perai Tengah (SPT) dan pekan Nibong Tebal (di Seberang Perai Selatan, SPS) pada masa hadapan.

"Kawasan-kawasan tersebut dipilih memandangkan ia menjadi tumpuan orang ramai," jelasnya.

Dalam pada itu, Asmayani memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan membelanjakan kira-kira RM3 bilion setahun bagi menampung kos rawatan tiga penyakit utama akibat rokok.

"Tiga penyakit tersebut adalah kanser paru-paru, penyakit paru-paru kronik dan jantung koronari.

"Kos ini adalah di bawah tanggungan bagi hospital kerajaan dan ia (kos rawatan) jauh lebih tinggi sekiranya mendapat rawatan di hospital swasta," ulas beliau.


DR. Afif Bahardin (tengah) bersama-sama pihak berkaitan pada Majlis Pelancaran Tempat Pelancongan Bebas Asap Rokok di Tanjung Bungah baru-baru ini.


KHOO Boo Lim.

## Reaksi Exco

Dikenali antara lokasi popular dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara, Buletin Mutiara berkesempatan mendapatkan pandangan daripada Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin.

Bagi beliau, langkah Kerajaan Negeri umumnya tidak akan menjejaskan sektor pelancongan Pulau Pinang, sebaliknya bakal menjadikan Pulau Pinang lebih mesra pelancong.

"Sebenarnya, banyak negara sudah melaksanakan inisiatif ini melalui pendekatan mendidik oleh pihak penguat kuasa berkenaan.

"Papan-papan tanda larangan merokok juga perlu ditambah di kawasan pantai, premis-premis serta tempat awam sebagai makluman kepada orang awam bahawa kawasan tersebut tidak dibenarkan merokok.

"Saya percaya melalui inisiatif ini, pelancong-pelancong ke Batu Ferringhi akan sedar terhadap larangan dilaksanakan di negeri ini melalui PENBAR," katanya.

Di samping itu, Soon Hin menyatakan bahawa setiap pihak berhak mengeluarkan pendapat masing-masing mengikut perspektif tersendiri serta mengutarakannya kepada Kerajaan Negeri.

"Walau bagaimanapun, pendirian Kerajaan Negeri ini, saya sifatkan tidaklah terlalu tergesa-gesa tambahan ianya melibatkan kesihatan persekitaran kepada orang awam," ulas beliau lanjut.

## Persatuan Hotel

Bagi Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia Pulau Pinang, Khoo Boo Lim, beliau lazimnya menyambut baik larangan tersebut yang disifatkannya memberi manfaat kepada golongan bukan perokok.

"Saya bersetuju dengan pandangan YB Yeoh (Soon Hin), tambahan pula sekarang ini banyak hotel sedang bergerak ke arah mempromosikan bilik larangan merokok atau *no smoking room.*

"Kebanyakan bilik penginapan kini adalah kawasan larangan merokok kerana ada sesetengah pelancong yang tidak mahu menginap di bilik (yang dibolehkan) merokok kerana masalah bau dan kesihatan.

"Pihak hotel juga pernah mengenakan kompaun kepada pengunjung yang didapati merokok di dalam bilik kerana (pihak hotel) perlu membersihkan bilik dengan meneutralkan semula udara dan sebagainya," katanya kepada Buletin Mutiara.

Membangkitkan isu penggazetan berkenaan, Boo Lim berharap ia dapat diperhalusi.

"Hal ini kerana, ada dalam kalangan pelancong terutamanya dari Timur Tengah yang gemar menghisap sisha selepas menjamu selera.

"(Dan) ia perlu diperhalusi… walaupun saya bukan seorang perokok, tetapi lebih baik sekiranya pihak berkaitan dapat menyediakan kawasan khas untuk merokok.

"Kita ambil negara Jepun sebagai contoh, kadar perokok di sana juga tinggi namun mereka merokok dengan penuh 'berdisiplin' begitu juga Singapura.

"Mereka hanya akan merokok di tempat-tempat yang dikhaskan dan puntung rokok tidak dibuang sewenang-wenangnya seperti apa yang kita lihat berlaku di dalam negara kebanyakannya," ujarnya.

Serentak itu, beliau turut membangkitkan soal tindakan penguatkuasaan yang dilihat sebagai masih kurang memuaskan.

"Sekiranya pelaksanaan (PENBAR di Batu Ferringhi) dilakukan sekalipun, saya bimbang tentang kelemahan penguatkuasaan.

"Lihat sahaja undang-undang larangan merokok di premis makanan, rata-rata kita boleh lihat ramai perokok sudah tidak menghiraukan larangan tersebut tambahan pula pada waktu malam," kongsinya yang agak terkilan dengan situasi acuh tak acuh sesetengah pihak.

Menurut Boo Lim, dalam melahirkan generasi masa depan yang bebas belenggu 'asap rokok', kempen bahaya rokok perlu diperkasakan terutamanya dalam kalangan murid-murid di bangku sekolah.


YEOH Soon Hin.

"Hal ini kerana minda kanak-kanak lebih mudah menyerap nilai-nilai positif seperti ini, maka secara tidak langsung ia dapat menjauhkan pewaris masa hadapan ini daripada tabiat merokok," jelasnya.

Sebagai penutup kata, Boo Lim menggariskan rumusan bahawa cadangan menggazetkan kawasan pelancongan perlu diperhalusi dan ada kesinambungan bersama-sama pihak berkepentingan agar mewujudkan situasi menang-menang.

Sebagai rekod, inisiatif PENBAR dicetuskan pada 2012 bagi memenuhi Perkara 8 Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC).

Inisiatif yang dilaksanakan melalui perkongsian pintar antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah bagi melindungi komuniti *(second-hand smoke)* daripada asap rokok.

Sebelum ini, enam taman rekreasi telah diwartakan dan sejak 1 Oktober 2012 telah diperluaskan di semua bangunan serta kawasan awam diikuti di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town pada 4 Julai 2018.

# Penganugerahan Pengakap Raja, syabas!

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**DATUK KERAMAT –** Seramai 16 anggota Pengakap Pulau Pinang dianugerahkan sijil pencapaian tertinggi iaitu Pengakap Raja pada 29 September lalu.

Majlis penganugerahan disempurnakan Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee bertempat di Wisma Pengakap Pulau Pinang di sini.

Lip Chee ketika berucap menyatakan bahawa Pengakap Raja merupakan salah satu anugerah pencapaian tertinggi dalam pergerakan pengakap di seluruh dunia, yang mana ahli-ahlinya perlu melepasi beberapa ujian bertulis serta (ujian) praktikal.

"Dengan kemahiran (pengakap) yang dikuasai serta personaliti cemerlang, seseorang ahli 'baru' layak dianugerahi Pengakap Raja.

"Majlis ini juga amat bermakna kerana sejak pergerakan pengakap bermula di Pulau Pinang pada tahun 1908, selama 111 tahun tidak pernah melahirkan Pengakap Raja Udara.

"Kini, dalam sejarah, ia julung kali diwujudkan di Pulau Pinang, syabas!" ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada majlis berkaitan.

Hadir sama, barisan kepimpinan tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Pada majlis berkaitan, seramai 16 pengakap terpilih menerima lencana serta sijil pengiktirafan tertinggi berkenaan.

Serentak itu, Lip Chee dalam ucapannya turut mengumumkan penaiktarafan padang Wisma Pengakap Pulau Pinang sekaligus memberi khabar gembira buat persatuan beruniform berkenaan.

"Saya memperuntukkan kira-kira RM8,000 bagi menaik taraf padang ini yang tidak rata, diharap inisiatif ini akan memanfaatkan ahli-ahli pengakap supaya menjalani latihan di sini dengan lebih selesa," jelasnya.



**SALAH seorang pengakap menunjukkan sijil pencapaian diterima.**



**SOON Lip Chee (tiga dari kiri) menganugerahkan pengiktirafan Pengakap Raja kepada salah seorang penerima pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.**


PANGSAPURI SERVIS METRO
LOT 10122(LOT LAMA PT800), JALAN PERDA UTAMA
MUKIM 7, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.




011-2288 7373
NO.36 & 38, LORONG PERDA SELATAN 2,BANDAR PERDA,
14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.

Pelan Rumah




Keluasan bangunan dari: 810 kaki persegi

| | |
|---|---|
| KPJ Penang Specialist Hospital | 600m |
| Maybank | 750m |
| Mc Donald's | 1.5km |
| Jit Sin Independent High School | 3.8km |
| Mydin Mall Bukit Mertajam | 3.5km |
| Sunway Carnival | 8.4km |




**Tambahan**

No. Lesen Pemaju: 19696-1/06-2021/0532 (L)
Tempoh Sah: 18/06/2019 - 17/06/2021
No. Permit Iklan & Jualan:19696-1/06-2021/0532 (P)
Tempoh Sah: 18/06/2019 - 17/06/2021
Nama Pemaju: Ramana Venture Sdn Bhd
Alamat Pemaju: No.36 & 38, Lorong Perda Selatan 2, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Telefon Pemaju: 011-2288 7373
Jenis Pegangan Tanah: Bebas
Nama Pemajuan Perumahan: Pangsapuri Servis Metro
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Jun 2022
Harga Jualan: Minimum - RM315,000, Maksimum - RM666,500
Bilangan Unit: Type A, B, B1, B2, C, D
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai
No. Kelulusan Pelan Bangunan:MPSP/40/20-37/13(CP)
5% Diskaun Untuk Bumiputera

**Spesifikasi**

Struktur:
Konkrit Tetulang

Bumbung:
Konkrit Tetulang

Tingkap:
Tingkap Kaca Berbingkai Aluminium

Lantai:
Kemasan Jubin Seramik

Pintu:
Pintu Utama - Pintu Papan Rintangan Api
Pintu Bilik - Pintu Papan Lapis Berkualiti
Pintu Bilik Air - Pintu PVC Berkualiti

Dinding:
Dinding Konkrit Tetulang dan
Dinding Bata Simen Pasir dengan Kemasan Cat

Siling:
Bilik air - Kepingan plaster siling
Lain-lain Tempat - Lepaan Skima dan Cat

**Harga Jualan: Minimum - RM315,000, Maksimum - RM666,500**

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 7572
Peminjam : MUHAMAD KHAIR BIN OMAR - 74031007****
BLOK O-1-14, APARTMENT PERMATA BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZAKARIA BIN AHMAD - 64123102****
105-12-7 LONE PINE 11600 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROKIAH BINTI OMAR - 60021410****
NO. 3332 LUBUK MERIAM 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 7609
Peminjam : ABDUL AHMADIL RAZMAN B ABDUL MAJID - 79032607****
NO. 31 LORONG ALMA JAYA 31, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL MUTTALIB B ABU BAKAR - 65022007****
BLOK A-02-6 LCF, FLAT JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MALIKA BANUM BT ABU BAKAR - 63121307****
BLOK G-3, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG

No Akaun : 7693
Peminjam : BEH HOOI KHENG - 76041207****
17-1 THE SIGNATURE, JALAN LESTARI 13700 PERAI
Penjamin 1 : BEH BAK HUA @ BEH AH KAW - 48111207****
685 MK 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : BEH CHEE YEN - 71091807****
685 MK 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7756
Peminjam : WONG YOKE LAY - 77031707****
11-4-2 LENGKOK NIPAH, TAMAN JUBILEE, SUNGAI DUA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : WONG YOKE MUN - 59053007****
11-4-2 LENGKOK NIPAH, TAMAN JUBILEE 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WONG HOCK YEE - 57071307****
1-21-3 BL AVENUE, SOLOK THEAN TEIK, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 7762
Peminjam : MOHD HANIF BIN MOHD BAKI - 77042707****
LOT 6805 BATU 5 3/4, LAPIS 1, JALAN KAPAR 42100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MD BAKI BIN HJ MAHIDDIN - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 21 B JALAN BUNGA, KAMPUNG TENGKU HUSSIEN BARU 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : AHMAD MUKHLIS BIN YAAKUB - 74062008****
NO. 11 FELDA KRAU SATU 27600 RAUB, PAHANG

No Akaun : 7805
Peminjam : CH NG CHAI HONG - 76073007****
A-3-1 JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG CHENG TEE - 48022007****
22-12A-21 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG KUAN YEH - 68061107****
7 LORONG NIPAH 5, TAMAN LIP SIN, SUNGAI DUA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 7809
Peminjam : MOHAMAD RIZAL BIN IBRAHIM - 79042507****
BLOCK C-12-05 KONDOMINIUM SENTUL UTAMA, JALAN 26, TAMAN DATO SENU, SENTUL 51000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : IBRAHIM B HASSAN - 48040107****
652 SUNGAI ACHEH 14310 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : MOHAMAD RIDDWAN B IBRAHIM - 75071607****
NO. 6 LORONG ILMU 3, TAMAN ILMU 14310 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 7812
Peminjam : LIM CHEE KEONG - 78101107****
2B-20-1 PLAZA IVORY CONDOMINIUM, HALAMAN BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN CHYE HOCK - (MENINGGAL DUNIA)
21-7-13 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN CHYE SENG - 59060307****
BLOK 10-10-7 LEBUH RELAU, TAMAN ALOR VISTA, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 7842
Peminjam : ROSMAIDY BIN MOHAMED RAMLY - 77022608****
1-9-16 BLOK MERBAU DESAMINIUM RIMBA, JALAN TASIK 1, TMN DESAMINIUM 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 75111608****
NO. 39 JALAN ST 1, SAMUDRA TERES, BATU CAVES 68100 SELANGOR
Penjamin 2 : ZANITA BT MOHD ZAINUDDIN - A1913***
11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL,SPS

No Akaun : 7846
Peminjam : CHANDRAMOGAM A/L MANIAM - 77092907****
NO.40 JALAN PI 2/4, TAMAN PULAI INDAH 81110 KANGKAR PULAI, JOHOR
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L ALIMUTHU - 67071707****
NO. 41 LORONG 7, TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : BATHMANATHAN A/L K. ABAROO - 77040907****
910 KG SELUT, SUNGAI JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS,

No Akaun : 7893
Peminjam : ATHIE LETCHUMI A/P CHELLIAH - 78080807****
6-4-3A EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAJESWARY RAMASAMY - 70061807****
NO. 6-4-3A EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI 1, BATU FERINGGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SRIVALLI MUNIANDY - 71100602****
710-A PBA QUARTERS, JALAN TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

No Akaun : 7915
Peminjam : RASHIDI BIN OMAR - 78091207****
9 PERSIARAN KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : BALKHIS BINTI HAJI MAT LIN - 66031602****
161 PEKAN JUNJONG 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : SIVABALAN A/L NADESON - 55050107****
BLOK AJ-1-7 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 7922
Peminjam : FAIZAH BINTI AHMAD - 76050707****
514 PANGSA MURNI KONDO, SEKSYEN 6C, WANGSA MAJU 53300 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : RAFIDAH BINTI AHMAD - 72030407****
1498 JALAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MD YUSUF BIN OTHMAN - 52081302****
533 MUKIM 7, KAMPUNG PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 7928
Peminjam : ENG MENG HOCK - 79022307****
2106 KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : ENG MENG KOOI - 62092007****
2106 JALAN 4 KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : NG TENG YAM @ NG MAH NEE - 45121807****
1978 JALAN KEBUN , KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 7930
Peminjam : MUSYRIF BIN MAT SAAD - 80120207****
NO. 171 MK 21, GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHD SHAHMUDIM BIN ISMAIL - 75083107****
660 MK 21 GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG , BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD ZUHAIRI BIN ABDUL RAHMAN - 68081107****
688 MK 21 GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG , BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7947
Peminjam : NOOR AZEAN BT ISMAIL - 79052907****
4400 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHE MURAT BIN SAN HOOD - 59092502****
421 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD JOHARI BIN ISMAIL - 72123107****
NO. 37 LORONG SUTERA PRIMA 7, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 7960
Peminjam : YEOH SHAO LEONG - 76090407****
BLOK 108-16-05 SERI TAMAN TANJUNG, PERSIARAN LENGKUAS , TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH BENG AUN - 46101707****
BLOK 108-16-05 SERI TAMAN TANJUNG, PERSIARAN LENGKUAS, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEOH BAH SENG - 71060407****
BLOK 108-16-05 SERI TAMAN TANJUNG, PERSIARAN LENGKUAS, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 7987
Peminjam : CHEAH CHEW SZE - 77091407****
118-B4-05-08 PERSIARAN BAYAN INDAH, PUTRA PLACE CONDOMINIUM 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEE MIANG HOE - 55030402****
28-A JALAN KOLAM AIR 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : LOH EWE LYE - 55050507****
47 JALAN PERMAI 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 7994
Peminjam : NORHANA BT ABDULLAH - 79112007****
NO.2 LORONG TANJUNG 4, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAT ZAIN B MD SALEH - 53052007****
11 LORONG BERTAM INDAH 31, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : HAZALI BIN ABD HAMID - 73111907****
4553 PERMATANG SIREH 13200 KEPALA BATAS, SPU,

No Akaun : 7995
Peminjam : YEW KOK WAH - 78032707****
1B-22-05 THE PEAK RESIDENCES, PERSIARAN HALIA 3, 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : OOI JIN KIAT - 48102607****
NO. 3 LORONG 27, TAMAN GURUN JAYA 08300 GURUN, KEDAH
Penjamin 2 : THOE YEW LEE - 56060207****
720-H HONG SENG EST, MOUNT ERSKINE ROAD 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 8005
Peminjam : MARINA BINTI ABD RAHMAN - 80122507****
89 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINNAG
Penjamin 1 : MAJIDAH BT ISMAIL - 75122707****
NO. 59 TAMAN KUALA KANGSAR, LORONG MERANTI 9, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK
Penjamin 2 : ROHANA BT ABD RAZAK - 58041507****
BLOK B-2-06 JALAN KELISA EMAS, DESA SRI JAYA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 8022
Peminjam : ERINE AZLINA BINTI KAMARUDIN - 79080607****
15 JALAN MAHAGONI 1B/3, TAMAN HILL PARK 44300 BATANG KALI, SELANGOR
Penjamin 1 : REDZUAN BIN MUSTAFFA - 62092501****
B7-09-13 BLOK 7 JALAN PJS 5/2A, DESA MENTARI, PETALING JAYA 46150 SELANGOR
Penjamin 2 : MUSTAFA BIN AMIN - (MENINGGAL DUNIA)
9 KAMPUNG SRI PANTAI 86800 MERSING, JOHOR

No Akaun : 8069
Peminjam : NOOR AZURA BINTI AHMAD - 79020108****
NO. 5 JALAN P11 H/4, PRESINT 11, 62300 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : MOHD YUSOF BIN AHMAD - 75041707****
NO. 19 LORONG SUNGAI NIPAH, TAMAN DESA MUTIARA, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD BIN ARIFFIN - (MENINGGAL DUNIA)
10243 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8083
Peminjam : MOHD SHUHAIRI BIN MOHD NOOR - 79110407****
241 PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHD SABRI BIN MOHD NOOR - 66061607****
NO. 241 PEKAN DARAT 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NORASIKHIN BT HAMID - 65070207****
NO. 23 LORONG SERI SERDANG 1/3, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8099
Peminjam : MOHD ZAIRULNIZAM BIN JAMALUDIN - 80112907****
6476 KAMPUNG LEMBAH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ISMAIL - 51051807****
6476 KAMPONG LEMBAH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : ABU BAKAR BIN YAHAYA - 51020707****
4261 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8121
Peminjam : KOAY HEAN SENG - 77020307****
15-18-2 , TINGKAT PAYA TERUBONG 5, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : POR KA LENG - 73011907****
1-E-18-3 LEBUH MINDEN 1, MUKIM 13, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEOH KOK KHUNG - 66122407****
TI 282 HONG SENG ESTATE 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 8214
Peminjam : SARAVNA A/L MARIAPPAN - 77081707****
2 TINGKAT PAHLAWAN 4, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MUNIYANDY A/L ANA ARUMUGAM - 62042707****
10 LINTANG MAK MANDIN 2, TAMAN SUKARIA 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : KUMAR A/L MUNIANDY - 66051307****
2616 JALAN CHIP JOO, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 8252
Peminjam : NURFARIZAN BINTI ADNAN - 79112207****
NO. 4 JALAN GEMBIRA 2, TAMAN GEMBIRA 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 1 : ABD LATIFF BIN MAJID - 59111002****
50 PERSIARAN SEKSYEN 6/34, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ODNAN @ ADNAN BIN TAIB - 55041707****
NO. 1873 JALAN ASSUMPTION 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 8256
Peminjam : HUZAIRYN AIDA BINTI HUSSAIN - 77012207****
NO. 6 TAMAN JASMIN BATU 2, JALAN SEREMBAN, PORT DICKSON 71000 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHD SHUKRI BIN ABDULLAH - 74021207****
NO. 326 JALAN TAMAN TAPAH, TAMAN BUNGA RAYA 35000 TAPAH, PERAK
Penjamin 2 : ABDUL HUSSIN BIN HYDER - 53042202****
4335 PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8313
Peminjam : PURVENDRAN A/L RAMALINGAM - 81090814****
BLOK C-1-21, VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VELLASAMY A/L SANDERASAGGRAM - 64072507****
11-A SOLOK RIANG, TAMAN ABDUL AZIZ 12000 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : KRISHNAN A/L OR VELAISAMY - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 26 PINTAS TENGGIRI 4, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 8323
Peminjam : SIRVEEN KAUR RANDHAWA A/P MUDA SINGH - 78102007****
NO. 73 LORONG 23, TAMAN PATANI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SATHPAL SINGH A/L AMAR SINGH - 64081807****
J-15-17 JALAN PADANG TEMBAK 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BALVINDER SINGH A/L AMAR SINGH - (MENINGGAL DUNIA)
46-G-17 DESA GREEN, JALAN VAN PRAAGH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 8335
Peminjam : MOHD HAZRIL BIN AB HALIM - 80052507****
138 JALAN KAMPUNG NAGA, TAMAN MUTIARA NAGA 06200 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : IDRIS BIN MD NOOR - 56062908****
281 JALAN SIR CHULAN 34100 SELAMA, PERAK
Penjamin 2 : ABDUL LATIF BIN DARUS - 63103007****
NO. 1126 SUNGAI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 8352
Peminjam : NORHASLINA BINTI JAMALUDIN - 80030807****
314 LORONG 5/4 , TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : NORHANITA BINTI JAMALUDIN - 77110407****
10696 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD HUSSIN BIN YUSOP - A2709***
10696 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 8390
Peminjam : MOHD ADHA BIN SAIPUDIN - 78111507****
NO.1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : SAIPUDIN BIN AHMAD - RF/ 51***
1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD FITRI BIN SAIPUDIN - A3423***
NO. 2A LORONG BLM 5/2, BANDAR LAGUNA MERBOK 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 8391
Peminjam : AZIZAN BIN AHMAD - 80082909****
8045 KAMPUNG TELUK, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : NOOR AZIZAH BINTI AHMAD - 72101507****
NO. 553 TAMAN TEJA 2, JALAN TEJA 19, CHANGLOON 06010 KEDAH
Penjamin 2 : AZIZ BIN AHMAD - 70060502****
NO. 66457 TAMAN EHSAN, SUNGAI JAGONG, SUNGAI LAYAR 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 8398
Peminjam : NOR HAZANA BINTI MD SALLEH - 79040707****
165 D KG. SUNGAI LIMAU, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 1 : MD. SALLEH B. AHMAD - (MENINGGAL DUNIA)
1060 MK 20, SUNGAI SEMAMBU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SAAD B. MAT - 53052907****
2352 LORONG SELASIH 9A/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

# TAMAN PENAGA RIA @ PENAGA

## RUMAH KEDAI DUA TINGKAT

**HAKMILIK KEKAL**
**5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA**

*Lokasi Yang Strategik :*
- Berhadapan Stesen Minyak Caltex
- Berhadapan Klinik Kesihatan Penaga
- 300m Perjalanan Ke Sekolah Menengah Dan Sekolah Rendah



PEGANGAN BEBAS

Yuran Guaman & Duti Setem Di Tanggung Oleh Pemaju
Harga Bermula Dari : RM700,000.00

Keluasan Tanah : 1429sqft (Min) - 2767sqft (Mak)
Keluasan Binaan : 2600sqft (Min) - 4780sqft (Mak)
Tarikh Di Jangka Siap : April 2020

PELAN LOKASI




COUNTRYWAY DEVELOPMENT
SDN. BHD. 1114998 - W

**COUNTRYWAY DEVELOPMENT SDN BHD**
(1114998-W)
No.1, Lorong Penaga, Off Jalan Haji Hashim,
13100 Penaga.

**HUBUNGI:**
**010-800 8003 /**
**04-351 1333**


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 8441
Peminjam : WAN SULAIMAN BIN MD DAUD - 77072807****
NO. 72A JALAN BP 13A, TAMAN BUKIT PERMATA 68100 BANDAR SRI GOMBAK, SELANGOR
Penjamin 1 : NORIZAL BIN MD. NOORDIN - 58080707****
NO. 6 LORONG KENARI 11900 SUNGAI ARA, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD HAMBALY BIN KASSIM MERICAN - 47020507****
BLOK 22A-3-10, PERSIARAN MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 8481
Peminjam : FAZINUSHANI BIN MOHAMED - 79090307****
NO. 562 KUALA MUDA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : FADZINU AULLA BIN MOHAMED - 70120107****
BLOK E 2-06 LORONG MACHANG BUBOK 34, TAMAN MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : FADZIYANI BT MOHAMED - 69091307****
NO. 4 LORONG BLM 3/12, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 8482
Peminjam : TAN CHONG HONG - 80121607****
ST. CHRISTOPHER'S INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL, NO. 10 NUNN ROAD 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN GIM SUAN - 73060407****
11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN GIM SIEW
11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 8581
Peminjam : SEMALA A/P KOMRAVALOO - 77080207****
BLOK H-3-09 LORONG HELANG 1, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : S. GUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM - 54111407****
354-7-4 LEBUH MACALLUM GAT FLATS 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KRISHNAN A/L RETHINASAMY - 64120507****
NO. 12 TINGKAT MAK MANDIN JAYA 3, TAMAN MAK MANDIN JAYA 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 8601
Peminjam : NURUL HISHAM BIN MOHD BASRI - 79041007****
NO. 24 JALAN CHEPOR INDAH 40, TAMAN CHEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 1 : MOHD BASRI B SHAFIE - 55072407****
24 JALAN CHEPOR INDAH 40, TAMAN CHEPOR INDAH 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 2 : NORSHITA BT SHAFIE - 59110402****
NO. 21 PERSIARAN WIRA JAYA BARAT 62, TAMAN RAPAT SETIA BARU 31350 IPOH, PERAK

No Akaun : 8631
Peminjam : AINIL HANA BT MOHAMAD - 80070707****
D/A MOHD SALWADI MAZLAN, SENANDUNG MASHYUR SDN BHD, LADANG JEMORENG 1, C/O POST OFFICE DARO, 96200 DARO, SARAWAK
Penjamin 1 : MOHD ZAKI BIN OTHMAN - 54062207****
4 LORONG MURNI 5 , TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD SAIFUDDIN BIN MOHD SALLEH - 54112302****
1006 MK 8, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 8662
Peminjam : SHAHRUL AMRI BIN MOHAMAD - 79113007****
SEK MEN KEB SENGGARANG, JALAN PARIT JABAR 83200 SENGGARANG, JOHOR
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN LAMINGON - 52032101****
467 B JALAN MASJID BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AWIS KHARNI BIN NURUDDIN - 71021107****
3C-32-01 TAMAN BUKIT JAMBUL , JALAN RUMBIA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 8663
Peminjam : KHOW LIAN LIAN - 81030407****
NO. 15 LORONG 10/SS6, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : KHOW SWEE GUAN - 75052607****
NO. 21 LENGKOK ENDOU, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHOW SWEE HUAT - 78052407****
NO. 21 LENGKOK ENDOU, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 8704
Peminjam : WEE SEOW FONG - 80110907****
NO. 24, JALAN LAMAN SETIA 5/11, 81550 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : LOH AI TIN - 55040907****
11 PERSIARAN BUKIT JAMBUL 9, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHONG AH MENG - 54061502****
BLOK C-2-11A , RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 8733
Peminjam : LEE WAI FENG - 78080707****
NO. 3V JALAN DELIMA, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE WAI PHENG - 70111607****
NO. 3V JALAN DELIMA 11700 ISLAND GLADES, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN KUD CHEONG - 72080907****
D-3-13 LORONG TENGGIRI 1, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 8763
Peminjam : FONG KEAN WAH - 79061807****
305-8-8 KRYSTAL VILLA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHOO KAM FUAT - 57041707****
A305-3-14 KRISTAL VILLA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN BOON WAY - 78030907****
5-4-10 LEBUH BUKIT KECIL 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 8799
Peminjam : CHEONG MEE FONG - 79081907****
NO. 1 JALAN ADDA 1/16, TAMAN ADDA, JOHOR BAHRU 81100 JOHOR
Penjamin 1 : CHEONG KONG TUCK - 73091707****
K-15-1 LEBUH RELAU 2, VISTA CONDO, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEE KOK FANG - 79112507****
NO. 16 MEDAN FESTTES 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

No Akaun : 8802
Peminjam : CHUA SWEE GUAN - 81112007****
7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHUA CHOON KIAT - 44113002****
7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHEAM KEE CHU - 57071107****
7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 8829
Peminjam : CHAN CHOONG LEONG - 76031414****
76-12-02 SRI WANGSA 2, JALAN PENAWAR 1, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHAN CHOONG PING - 75033114****
M1-02-07 SUBANG PERDANA COURT 7, PERSIARAN MULIA USJ 14, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : CHAN HONG CHIN - 52053002****
76-12-02 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR SATU 11600 PULAU PINANG

# Pulau Pinang destinasi pelaburan strategik Kemikon

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH -** Kemikon Sdn. Bhd. (Kemikon), pelabur dalam industri pembuatan dari Switzerland baru-baru ini membuka kilang terbesar di Kawasan Perusahaan Perai, Fasa 4.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Marcel Wismer berkata bahawa Pulau Pinang dilihat sebagai destinasi pelaburan paling strategik kerana mengambil kira faktor begitu ramai guna tenaga buruh mahir, rantaian bekalan industri berpengalaman serta dasar-dasar Kerajaan Negeri begitu mesra pelabur.

Justeru, beliau merakamkan penghargaan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kerana meluangkan masa bagi menyempurnakan acara perasmian pembukaan kilang Kemikon tersebut pada 3 Oktober lepas di sini.

"Kami (Kemikon) memang berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai hab penting untuk mengembangkan operasi pembuatan alat-alat semikonduktor bertaraf dunia.

"Selain itu, kami (Kemikon) juga turut berjaya menyediakan sejumlah besar peluang kerjaya untuk tenaga buruh berkemahiran tinggi, yang bukan sahaja untuk peningkatan kemajuan syarikat, bahkan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Malaysia," jelasnya seusai acara perasmian kilang tersebut.

Menurut Kon Yeow, pelaburan Kemikon di Pulau Pinang dalam bidang pengeluaran industri sekaligus akan menyokong perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Selain itu, beliau berkata bahawa pihaknya berhasrat memindah lebih banyak lagi operasi industri Kemikon ke rantau Asia, susulan perang dagang yang tidak berpanjangan melibatkan dua blok ekonomi dunia, iaitu Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China.

Difahamkan, luas lantai kilang Kemikon di sini adalah kira-kira 75,000 meter persegi, dengan tenaga buruh mahir dan separa mahir seramai 130 orang.

Teras utama operasi industri Kemikon adalah meliputi projek pembinaan struktur logam, komponen dan modul untuk peralatan semikonduktor; jaringan pangkalan pelanggan terbesar sekitar 80 peratus dari Amerika Syarikat sendiri.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi merakamkan penghargaan kepada agensi negeri, *investPenang* (iP) dan agensi Persekutuan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kerana berjaya menarik satu lagi 'gergasi pelaburan' baharu dari Switzerland ke negeri ini.

"Saya yakin dengan rantaian bekalan yang bagus khususnya di negeri ini, adalah menjadi salah satu kelebihan kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang), maka, pelaburan Kemikon ke negeri ini adalah salah satu rekod kejayaan atas usaha gigih *investPenang* (iP) dan MIDA membawa pelabur ke negeri ini.

"Secara falsafah, Kemikon komited memodenkan operasi pengeluaran dengan industri ditubuhkan berpaksikan kepada (nilai tenaga) buruh (sebagai teras industri), usaha yang sedang dibuat oleh Kemikon ini adalah selari dengan Visi Penang2030 (iaitu wawasan pembangunan jangka panjang negeri dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030) dalam menggerakkan sektor pengilangan negeri ke era digital," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Tambah Kon Yeow, dengan rekod pengalaman lebih 50 tahun Pulau Pinang sebagai salah satu hab industri negara, angka lebih 300 syarikat multinasional (MNC) di negeri ini dijangka akan terus meningkat, kelak.

Pada separuh tahun 2019, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan ke Pulau Pinang adalah sebanyak RM9.2 bilion, dengan 93 peratus industri adalah berteraskan sektor elektrik dan elektronik (E&E).

"Selain itu, Pulau Pinang juga menyumbang 35 peratus daripada keseluruhan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia pada separuh pertama tahun 2019, yang mana ia adalah adalah rekod paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, serta ia melepasi FDI bagi tahun 2018 iaitu sebanyak RM3.7 bilion," katanya.

## Proses serat kelapa, usaha Kumpulan Heng Huat lestari alam dipuji

**SUNGAI BAKAP -** Dua penduduk negeri Pulau Pinang menzahirkan rasa bangga apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri menyempurnakan acara perasmian pembukaan Ibu Pejabat Kumpulan Heng Huat yang menghasilkan kilang produk eko berasaskan sisa baru-baru ini.

Ketika berucap, Pengarah Urusan Kumpulan Heng Huat Resources, Datuk H'ng Chong Seng berkata bahawa beliau bersama-sama timbalan pengarah syarikat, Kee Swee Lai sudah berada dalam industri eko produk berkenaan lebih daripada 30 tahun.

Justeru, menurutnya, kesudian Ketua Menteri merasmikan pembukaan kilang mereka adalah suatu penghargaan yang begitu besar.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa usaha korporat yang ditunjukkan oleh kedua-dua individu berkenaan seharusnya menjadi sumber inspirasi bagi semua pihak kerana berjaya menukar guna sisa iaitu sekam kelapa menjadi tilam serta bantal berkualiti.

"Sekam kelapa pernah dianggap sisa dan dibiarkan reput atau dibakar.

"Tetapi, kedua-dua individu ini melihat peluang (daripada sisa ini), lalu mungkin mereka menjerit 'tak guna' sekiranya kita tidak menggunakan kudrat kita ini, (kelak) sisa ini akan kekal menjadi sisa sahaja.

"Jadi, tahniah kerana berjaya mencipta peluang perniagaan dan pada masa sama memainkan peranan yang sangat penting sebagai sebuah syarikat mesra alam sekitar," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan di sini 14 September lalu.

Turut serta, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.

Selain itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 iaitu wawasan pembangunan masa depan negeri dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030 komited menjadikan Pulau Pinang sebagai 'negeri hijau'.

"Kami menyokong keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan perlindungan ekologi serta kemampanan… (keseimbangan) ini merupakan suatu yang kami (Kerajaan Negeri) mahu pamerkan di (Pulau Pinang).

"(Justeru,) kita boleh mencapai pembangunan ekonomi dengan kelestarian alam sekitar," katanya lagi yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Difahamkan, selain ibu pejabat yang dibuka di Sungai Bakap, Kumpulan Heng Huat mempunyai pusat operasi baharu seluas 20,000 kaki persegi di Setiu, Terengganu.

Kon Yeow dalam pada itu menjelaskan bahawa aktiviti teras kilang tersebut adalah menghasilkan serta mengeksport produk berkaitan bahan biomas serta produk yang mempunyai nilai tambah, berasaskan bahan sisa serat kelapa.

"Kumpulan Heng Huat turut mengeluarkan tilam dan bantal yang diperbuat daripada sisa serat kelapa, dengan jenama sendiri.

"Oleh kerana Kumpulan Heng Huat telah berkembang sehingga ke Terengganu, saya juga berharap mereka akan mewakili Pulau Pinang untuk memberi inspirasi kepada pihak lain, terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia untuk menyokong usaha-usaha persekitaran hijau sejajar dengan wawasan (Penang2030) Pulau Pinang," seru beliau.

## SIBS pilih Pulau Pinang, harap turut tanam minat pelabur lain

**BUKIT TENGAH -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan menarik lebih banyak lagi pelabur dari negara-negara Skandinavia dan Eropah, selain memastikan pelabur domestik serta asing sedia ada terus melabur di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan acara pembukaan syarikat *Scandinavian Industrialised Building Systems* (SIBS) dari Sweden di Taman Perindustrian Bukit Minyak dekat sini pada 20 September lalu.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa pentadbirannya percaya lebih banyak lagi pelabur asing dari negara-negara Skandinavia akan menanam minat untuk melabur di Pulau Pinang, kelak, selepas pelaburan SIBS ini.

"IKEA, iaitu gedung perabot terbesar dunia dari Sweden pada Mac lalu telah membuka gedung keempat mereka di Pulau Pinang, yang dikenali sebagai IKEA Batu Kawan.

"Sungguhpun ditubuhkan pada tahun 2017, SIBS kini sedang dalam fasa persediaan untuk memperkembang (pasaran pelaburan) fasa seterusnya.

"Mereka (SIBS) kini sedang bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengenai rancangan membina kemudahan baharu sekitar 500,000 kaki persegi di *Penang Science Park*.

"Kapasiti kemudahan yang akan datang ini adalah empat kali ganda kapasiti kilang sedia ada, ini bermakna kilang baru boleh memudahkan pengeluaran lebih daripada 7,000 unit pangsapuri setiap tahun," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada agensi Persekutuan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kerana saling bekerjasama dengan agensi negeri, PDC serta *investPenang* (iP) dalam membawa pelaburan langsung asing (FDI) ke negeri ini.

Bagi Kon Yeow, pelaburan SIBS berkaitan adalah sangat penting kerana mewujudkan lebih 600 peluang pekerjaan baharu untuk penduduk negeri.

Difahamkan, kemudahan kilang SIBS yang ditubuhkan pada tahun 2017 dengan nilai pelaburan RM100 juta, bertujuan untuk menyediakan rangka rumah keluarga dalam pelbagai modul keluli bagi memenuhi pasaran Sweden dan negara-negara Eropah lain.

Syarikat itu juga cuba mengoptimumkan reka bentuk rangka rumah dengan mengambil kira aspek kelestarian alam semula jadi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa dengan adanya pelaburan SIBS di negeri ini, sekaligus akan memberi peluang kepada tenaga buruh mahir di negeri ini untuk melonjak diri ke peringkat antarabangsa.

"Kepakaran kejuruteraan Pulau Pinang di SIBS, tidak lama lagi akan didorong ke peringkat seterusnya," ujarnya sambil memberitahu bahawa beliau tidak sabar untuk melihat pembukaan kilang baharu itu pada tahun 2021 sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi utama bagi para pelabur di seluruh dunia.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut mengulas mengenai Belanjawan 2020 Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang akan dibentangkan tidak lama lagi.

Menurut beliau, pembiayaan projek negeri kepada dua agensi negeri, iaitu PDC dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mungkin akan dikurangkan pada perbelanjaan 2020, tidak seperti beberapa tahun sebelum itu.

Pun begitu, ulasnya, pembiayaan Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan program-program kebajikan serta sosial masih tidak terjejas, sungguhpun Kerajaan Negeri mensasarkan defisit fiskal yang lebih rendah.

"Ia masih terkawal, walaupun akan menjadi bajet defisit," jelas Kon Yeow sambil menambah butiran Bajet Negeri 2020.

Pengarah Urusan Kumpulan SIBS, Erik Thomaeus; Duta Sweden ke Malaysia, Dag Juhlin Dannfelt; Ahli Parlimen Batu Kawan P. Kasthuriraani dan Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato' Loo Lee Lian turut sertai acara perasmian pembukaan SIBS dan sidang media bersama-sama Kon Yeow.

Bercakap kepada pemberita, Erik Thomaeus memuji inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan persekitaran pelaburan yang kompetitif serta berharap pelaburan SIBS turut menyumbang pada aspek pertumbuhan ekonomi serta sektor inovasi negara.

# Unit Perubahan Cuaca & Neutral Karbon, MBSP mendahului

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERAPIT –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara mempunyai Unit Perubahan Cuaca dan Neutral Karbon bagi mendepani cabaran pemanasan global yang semakin membimbangkan.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, unit yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perbandaran MBSP berkaitan akan mula berfungsi pada awal Januari 2020.

"Fungsi unit ini adalah bagi memastikan lima strategi ditetapkan MBSP untuk mencapai bandar raya rendah karbon dilaksanakan serta dipantau supaya indikator yang ditentukan dapat dipenuhi.

"Bagi mencapai bandar raya rendah karbon, MBSP menentukan indikator iaitu mengurangkan penghasilan karbon dioksida (CO2) daripada 8.0 metrik tan per kapita kepada 4.65 tan metrik tan per kapita serta mengurangkan penjanaan sampah daripada 1.6 kilogram (kg) seorang kepada 0.8kg seorang menjelang 2022," katanya selepas merasmikan Penjanaan Sistem Solar Anugerah Sekolah Hijau dekat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit di sini 2 Oktober lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pengetua SMK Berapit, Lim Geaik Hong; Pengurus Besar Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. (Jinko Solar), SL Lee; Pengurus Jualan Bahagian Utara Pekat Solar Sdn. Bhd. (Pekat Solar), Sam Lee; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai MBSP.

Difahamkan, MBSP telah menetapkan lima strategi untuk mencapai bandar raya mampan, iaitu Pengangkutan Hijau; Bangunan Hijau; Infrastruktur Hijau; Penghasilan dan Penggunaan Mampan serta Kehijauan dan Penyerapan.

Dalam pada itu, Rozali memberitahu bahawa SMK Berapit menjadi sekolah menengah pertama di negeri ini yang memasang sistem solar berkapasiti empat kilowatt serta mampu menjimatkan kos sebanyak RM2,443 setahun.

"SMK Berapit menjadi johan dalam Anugerah Sekolah Hijau 2018 anjuran MBSP dan layak mendapat hadiah pemasangan panel solar sumbangan Jinko Solar dan Pekat Solar.

"Justeru, sumbangan ini dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk mempelajari secara praktikal berkaitan tenaga yang boleh diperbaharui," ujarnya.



**SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) meninjau kawasan hijau yang dibangunkan oleh para pelajar dan pihak sekolah SMK Berapit sejurus merasmikan Penjanaan Sistem Solar Anugerah Sekolah Hijau di sekolah berkaitan di sini baru-baru ini.**

# Permatang Nibong diiktiraf 'Kampung Upcycle' MBSP

**PENANTI -** Kampung Permatang Nibong diisytihar sebagai 'Kampung Upcycle', sempena pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) baru-baru ini.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, usaha mewujudkan lebih banyak 'Kampung Upcycle' adalah penting demi mencapai sasaran iaitu menjadikan Seberang Perai sebagai bandar neutral karbon dalam tempoh 10 tahun sehingga 2030, dan bandar sifar karbon pada tahun 2050.



**SALAH satu landskap yang menarik perhatian.**

"Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu sasar untuk mengurangkan 50 peratus pelepasan karbon menjelang tahun 2022, dengan pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO2e per kapita kepada 4.0 tan CO2e per kapita.

"Permatang Nibong telah dipilih sebagai 'Kampung Upcycle' berasaskan komitmen penduduk mengumpulkan barang-barang untuk dijadikan kraf dan lain-lain produk *upcycle* yang menarik serta boleh dipasarkan.

"Kampung ini mempunyai penduduk yang kreatif dengan mengumpulkan bahan-bahan buangan untuk dijadikan hiasan halaman rumah.

"Justeru, bagi peringkat pertama, zon paling kreatif dan inovatif dipilih bagi pengiktirafan tahun ini (2019)," jelasnya kepada pemberita selepas menurunkan tandatangan pengiktirafan pada plak rasmi 'Kampung Upcycle' Permatang Nibong di sini pada 6 Oktober 2019.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod serta beberapa Ahlli Majlis MBSP; Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Pauh, Rosli Ishak dan Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Pauh, Mohd. Anas Kassim turut sertai sidang media tersebut.

Rozali memberitahu bahawa penduduk setempat sejak tahun 2012 lagi telah melaksanakan pelbagai aktiviti komuniti mampan, selain projek *upcycle* berkaitan.

Sehingga kini, beliau menyatakan bahawa seramai 56 penduduk yang menyertai aktiviti mampan berjaya mengutip 1,120 kilogram (kg) sisa makan dari dapur rumah untuk dikomposkan, selain menjual barang kitar semula seberat 4,520 kg yang dikumpulkan di pusat sumber alam sekitar setempat.

Tambahnya, projek komuniti mampan kampung berkenaan berjaya menarik perhatian pegawai *Global Environment Centre Japan* dan *United Nations Environment Programme* (UNEP).

Tambah Rozali, pentadbirannya berharap projek mewujudkan 'Kampung Upcycle' tersebut dapat diperluaskan secara berperingkat ke zon-zon komuniti lain, sebagaimana kejayaan MBSP mewujudkan *Upcycle Park* berhampiran Menara Bandaraya sebelum ini.

# *'Go Green'* harap diterap dalam kalangan pelajar sekolah

**PADANG LALANG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berharap agar aktiviti *'Go Green'* dapat diamalkan selalu, setiap hari dan sepanjang umur dalam kalangan pelajar sekolah.

Katanya, aktiviti sihat tersebut merupakan usaha untuk melindungi alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan plastik melalui kempen *No Single-Use Plastic* serta mengamalkan sikap kitar semula.

"Program larian hijau julung kali ini bukan sahaja dapat menyihatkan tubuh badan, mencerdaskan minda malah juga dapat memupuk sikap *'Go Green'* dalam kalangan pelajar.

"Jika badan cergas dan otak cergas, kita boleh melakukan pelbagai tugasan harian dengan lancar," ucapnya usai majlis penanaman pokok bagi program 'The Bukit Green Run' dekat Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam (HSBM) di sini pada 28 September lalu.

Hadir sama, ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Lau Ah Sim dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ong Jing Cheng serta Bernard Cheng.

Turut hadir, Presiden OldBoys Penang, Datuk Aloysius Gasper; Mantan Pengetua Cemerlang HSBM, Nazri Bahari; Pengetua HSBM, Zaini Mat Zain dan Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) HSBM, Dr. Latifah Ishak.

Mengulas lanjut, Chong Eng turut menasihati para pelajar agar menjaga kesihatan diri, bersenam serta makan makanan yang bernutrisi dan berkhasiat.

"Diri sendiri perlu membuat pilihan yang betul supaya makanan yang diambil adalah baik untuk kesihatan dan bagi menumpukan perhatian dalam pelajaran jangan ambil terlalu banyak makanan ringan," nasihat beliau yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.



**CHONG Eng (lima dari kiri) bersama-sama Lee Khai Loon (kanan sekali) menanam pokok sebagai simbolik penganjuran 'The Bukit Green Run' di sini baru-baru ini.**

# Kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, penting dipertimbang majikan

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS –** Pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja merupakan antara kemudahan paling penting khususnya bagi ibu bapa yang bekerja.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, cabaran utama bagi ibu bapa pada masa kini adalah untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan pada waktu bekerja.

"Kerajaan Negeri sudah lama menyedari betapa pentingnya kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

"Oleh itu, pada 2013, Taska D'Komtar ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak bagi kakitangan kerajaan.

"Di samping itu, di bawah Visi Penang2030 yang memfokuskan keluarga, negeri hijau dan pintar yang menginspirasikan negara, Tadika WhyteHouse @ Penang Tech Dome turut dibuka mulai Oktober 2019 bagi memenuhi keperluan kakitangan kerajaan dan masyarakat umum," katanya semasa merasmikan program dialog *"Childcare at Workplace: A Business Imperative?'* di sini 30 September lalu.



**CHONG Eng bersama-sama barisan jemputan khas, jawatankuasa penganjur dan para peserta bergambar kenang-kenangan pada penganjuran program dialog *'Childcare at Workplace: A Business Imperative?'* di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Muhd Khair Mohamede Annuar; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), A.N. Sivakumeren serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa Belanjawan 2020 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng di Dewan Rakyat baru-baru ini turut memberi tumpuan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan negara daripada hanya 56 peratus kini.

"Terdapat 35 peratus wanita meninggalkan alam pekerjaan disebabkan isu penjagaan anak.

"Apa yang lebih membimbangkan adalah apabila wanita di negara ini meninggalkan pekerjaan, maka mereka lebih cenderung untuk tidak kembali semula ke alam pekerjaan," tambahnya.

Dalam pada itu, Sivakumeren berkata bahawa sebagai agensi kerajaan yang memacu strategi bakat negara, TalentCorp mengiktiraf kepentingan mengukuhkan tenaga kerja Malaysia untuk mengharungi cabaran serta peluang yang ada.

"Justeru, saya menggesa para majikan supaya mempertimbangkan secara serius strategi sumber manusia untuk menggabungkan amalan kerja, terutamanya daripada segi telekomunikasi, cuti penjagaan keluarga dan pusat penjagaan kanak-kanak yang terbukti bukan sahaja dapat menyokong kehidupan para pekerja malah juga mampu memperbaiki asas perniagaan mereka," ujarnya.

## Didik kanak-kanak sentuhan selamat dan tidak selamat, elak jadi mangsa pedofilia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kanak-kanak perlu diberi pendedahan serta didikan mengenai sentuhan selamat dan tidak selamat sebagai perlindungan awal bagi mengelakkan menjadi mangsa pedofilia.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, selain ibu bapa, penjaga dan guru-guru juga disarankan mendidik kanak-kanak mengenai sentuhan selamat serta sentuhan tidak selamat supaya dapat membezakan antara sentuhan berniat baik dan sentuhan berniat jahat yang hanya ingin mengambil kesempatan.

"Sekiranya kanak-kanak ini tidak dididik atau diberitahu, bagaimanakah mereka tahu sama ada sentuhan tersebut adalah betul atau salah.

"Mereka (kanak-kanak) juga perlu dididik supaya mereka tahu dengan siapa mereka boleh mendapatkan bantuan dengan serta-merta sekiranya mereka tidak selesa atau berperasaan negatif," ujarnya pada majlis penutupan sempena Seminar Keselamatan Tubuh Badan Kanak-kanak Dan Penyerahan Buku Keselamatan Tubuh Badan Kanak-Kanak kepada 140 wakil guru-guru tadika serta badan bukan kerajaan (NGO) di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Penolong Pengarah Kanan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Pulau Pinang, Wan Nur Azlina Wan Abdul Rahman yang juga penceramah pada hari tersebut.

Mengulas lanjut, Chong Eng percaya melalui komunikasi dua hala tersebut, kanak-kanak dapat didedahkan mengenai anatomi badan dengan menggunakan istilah yang bersesuaian.

"Tidak dapat dinafikan, ada segelintir kanak-kanak yang lebih gemar mendiamkan diri serta inilah peluang terbaik untuk ibu bapa dan guru-guru mengajar mereka untuk meluahkan perasaan.

"(Dan) sebagai orang dewasa, janganlah kita memandang remeh aduan atau perubahan tingkah laku anak-anak kita kerana statistik menunjukkan hanya 30 peratus sahaja orang dewasa mempercayai luahan anak-anak mereka.

"Ibu bapa dan guru yang sentiasa berada di barisan hadapan, anda berupaya melindungi serta menyelamatkan anak-anak anda daripada menjadi mangsa sama ada pedofilia mahupun penderaan seksual dengan sentiasa menyatakan rasa kasih sayang dan bukannya menyalahkan ataupun tidak mengendahkan aduan mereka.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama berganding bahu mewujudkan masyarakat yang selamat supaya anak-anak kita dapat membesar dengan sihat dari segi fizikal dan emosi.

"Anak-anak hari ini adalah masa hadapan negara dan melindungi mereka menjadi tanggungjawab kita semua," katanya yang turut menyeru penglibatan semua pihak sama ada NGO mahupun orang perseorangan.

Dalam seminar tersebut, wakil-wakil daripada pusat asuhan harian, tadika serta NGO didedahkan dengan teknik-teknik yang boleh diguna pakai dalam mendidik kanak-kanak.

Antaranya, melatih kanak-kanak untuk katakan 'Jangan', 'Tidak' dan 'Hentikan' serta segera memberitahu orang dewasa yang dipercayai sekiranya mereka pernah diminta menunjukkan atau disentuh di bahagian sulit.

Mengajar anak-anak tentang perbezaan antara sentuhan baik dan sentuhan tidak baik supaya mereka dapat membezakan niat sentuhan seseorang terutama yang membabitkan anggota sulit.

Difahamkan, sebanyak 70,000 naskah Buku Keselamatan Tubuh Badan Kanak-Kanak dicetak dan diedarkan dalam dua versi bahasa iaitu bahasa Malaysia serta bahasa Cina kepada wakil-wakil yang hadir.

Manakala, bagi versi bahasa Inggeris boleh didapati secara dalam talian di laman sesawang *http://www.bodysafety.com.my/*.

## Para belia, jom sertai PYV!

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) membuka peluang kepada golongan belia berumur antara 15 hingga 35 tahun untuk menyertai program kesukarelawan belia, Sukarelawan Belia Negeri Pulau Pinang atau *Penang Youth Volunteer* (PYV).




Exco Belia Dan Sukan, Soon Lip Chee ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, dalam membina masyarakat yang progresif, pembangunan belia adalah amat penting.

"Inisiatif ini adalah selaras dengan strategi yang terkandung dalam Visi Penang2030 di bawah Tema C2 yang mana menekankan penglibatan belia dalam program-program kemasyarakatan dan kesukarelawan.

"Malah, amalan kesukarelawan mempunyai potensi besar untuk membawa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ke arah kesejahteraan hidup bersama.

"Oleh demikian, ayuh sama-sama kita membantu meningkatkan potensi golongan belia dengan menggalakkan mereka menyertai program Sukarelawan Belia Negeri Pulau Pinang ini," katanya pada sidang media di sini 7 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang selaku Ahli Lembaga Pengarah PYDC; Pengarah PYDC, Lee Wei Seang dan Pengurus Besar PYDC, Thoy Siew Ping.

Mengulas lanjut, Lip Chee memaklumkan bahawa permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara dalam talian.

"Semasa mengisi borang, para sukarelawan boleh memilih untuk terlibat dalam kategori yang ditawarkan seperti seni, budaya, pendidikan, sukan, kerja amal, alam sekitar, bantuan bencana dan pertolongan cemas," jelasnya.

Ditanya mengenai sasaran penyertaan, Lip Chee berkata, sebagai permulaan antara 300 hingga 500 penyertaan disasarkan dan berharap mencapai 20,000 penyertaan belia menjelang tahun 2030.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga telah panjangkan perkara ini kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai program ini.

"Bukan itu sahaja, PYDC turut membuka peluang kepada individu kurang upaya (OKU) kerana semua lapisan rakyat adalah layak menyumbang terhadap pembangunan negeri tanpa mengira latar belakang yang berbeza," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk menyertai program Sukarelawan Belia Negeri Pulau Pinang, boleh mengisi borang di pautan *http://bit.ly/penangyouthvolunteer* atau melalui emel *youthvolunteer@pydc.com.my* atau melalui talian 012 - 401 0186 atau 04 - 263 6111.

# Kemudahan Taman Linear harap tingkat kualiti hidup penduduk

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (bertopi) dan Jason Ong Khan Lee (kiri sekali) menyempurnakan acara perasmian pembukaan Taman Linear dekat Taman Padang Tembak di sini baru-baru ini.**

**KEBUN BUNGA -** Wajah baharu Taman Linear yang dilengkapi peralatan senaman, laluan pejalan kaki serta kawasan rekreasi permainan *'maze'* dengan kos sebanyak RM40,000 pastinya meningkatkan kualiti hidup kira-kira 400 penduduk setempat.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee, projek penarafan itu ditaja oleh syarikat korporat berkaitan makanan *Fitline* telah siap sepenuhnya pada Jun 2019.

Justeru, beliau merakamkan penghargaan kepada Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau kerana menyempurnakan acara perasmian pembukaan taman kejiranan tersebut.

"Taman rekreasi ini sudah tentu menawarkan persekitaran yang lebih selesa dan tenang untuk penduduk sekeliling seperti Taman Padang Tembak.

"Saya berharap penduduk tempatan dapat menggunakan taman rekreasi ini untuk meningkatkan amalan gaya hidup sihat," ujarnya pada temasya sambutan Hari Malaysia di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Tembak di sini 21 September lalu.

Majlis sambutan itu disertai kira-kira 100 penduduk setempat serta 300 guru dan murid-murid.

Berucap pada majlis sama, Muhammad Bakhtiar memuji inisiatif semua pihak yang terlibat dalam mewujudkan kemudahan komuniti seperti Taman Linear.

"Sangat baik sekiranya kemudahan sebegini (Taman Linear) dapat membina keperibadian dan identiti anak-anak kita.

"(Usaha menerapkan gaya hidup dalam kalangan anak-anak tempatan) ini akan menyumbang kepada negara, apabila mereka remaja dan dewasa kelak," jelasnya.


MUZE at PICC

Diskaun 5% untuk lot bumiputera

Era Baru Kehidupan Global Bermula Dengan Muze

Muze merupakan kawasan kediaman mengagumkan yang pertama di PICC (Penang International Commercial City), pusat perdagangan terbaru di Pulau Pinang. Nikmati hidup sepenuhnya dengan pembangunan bernilai multi billion ringgit yang menampilkan hub perniagaan, pusat beli-belah, hotel 5 bintang, pusat perubatan bertaraf dunia dan cadangan pembinaan stesen LRT. Pastinya ia menjadi tumpuan utama di dalam dan luar negara.

Muze menawarkan 3 hingga 5 bilik yang menggabungkan kemewahan yang fleksibel serta lebih praktikal. Ini ialah lokasi hangat yang dihubungkan strategik. Jadi sebahagian daripada kehidupan global di era baru Pulau Pinang.

Pegangan Bebas | 2 Menara Dengan 846 Unit | 7 Aras Fasiliti Gaya Hidup | Rancangan Trafik Untuk Pengangkutan Lebih Lancar
Cadangan Pembinaan Stesen LRT Dengan Jarak Berjalan Kaki | Berhampiran Jambatan Dan Lapangan Terbang Pulau Pinang

Pembangunan Keseluruhan
Ilustrasi Artis Sahaja



Fasad Muze
Ilustrasi Artis Sahaja



INTEGRASI PENUH KEHEBATAN : MENARA PICC | PEJABAT BPO | HOTEL 5 BINTANG | PUSAT MEMBELI-BELAH | BOULEVARD F&B | LAMAN HIJAU SENTRAL | PUSAT PERUBATAN | KEDIAMAN

Pemandangan Puncak
Ilustrasi Artis Sahaja




HUNZA
picc-penang.com
+604-6090 688

PICC (Penang International Commercial City) Sales Gallery
Lot 6029, Jalan Tun Dr Awang
Sungai Nibong Kecil, 11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang, Malaysia
GPS COORDINATES: 5.332392, 100.290235
E picc@hunzagroup.com
T +604-6090 688

E hunza@hunzagroup.com
T +604-2290 888
F +604-2293 988

FIABCI Malaysia Property Award 2011 Residential (High Rise) Category - INFINITY Beachfront Condominium
FIABCI Malaysia Property Award 2013 Heritage Category - St. Jo's
World Silver Winner FIABCI World Prix d' Excellence Award 2014 Heritage (Restoration / Conservation) Category - St. Jo's
FIABCI Malaysia Property Award 2014 Property Man Dato' Seri Khor Teng Tong
FIABCI Malaysia Property Award 2015 Retail Category - Gurney Paragon Mall
Asia Pacific Property Awards Development 2018 - 2019 Best Development Marketing Malaysia - Alila²
Asia Pacific Property Awards Development 2018 - 2019 Best Residential Development Malaysia - Alila²

DEVELOPER: HUNZA (PENANG INTERNATIONAL COMMERCIAL CITY) SDN BHD A SUBSIDIARY OF HUNZA PROPERTIES BERHAD TEL: +604-6090688 EMAIL: picc@hunzagroup.com

No. Lesen Pemaju: 10294-304-2021/0373(L) • Tempoh Sah: 24/4/2019 – 23/4/2021 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10294-304-2021/0373(P) • Tempoh Sah: 24/4/2019 – 23/4/2021 • Pemaju: Hunza (Penang International Commercial City) Sdn.Bhd. (283941-T) 163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower, Kelawei Road, 10250 Penang. Tel 604 2290 888 Fax 604 2293 988 • Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: OCBC Bank Berhad • Jenis Rumah: Pangsapuri • Nama Pemajuan Perumahan : MUZE AT PICC • Tarikh Dijangka Siap: Mei 2023 • Jumlah Unit Menara A : 394 units • Harga Min: RM1,129,000 Harga Mak: RM5,133,000 • Jumlah Unit Menara B: 452 units • Harga Min: RM1,129,000 Harga Mak: RM6,238,000 • Saiz: Jenis A 1,862 kaki persegi Jenis B 1,550 kaki persegi Jenis B1 1,550 kaki persegi Jenis C 1,313 kaki persegi Jenis D 1,528 kaki persegi Jenis E 1,098 kaki persegi Jenis F 1,281 kaki persegi Jenis G 1,087 kaki persegi Jenis G1 1,087 kaki persegi Jenis H 1,324 kaki persegi • Jumlah Parkir Kereta: 1803 • Kuasa yang meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No.Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB10760/19(LB)

Penafian: Segala maklumat, imej, ilustrasi dan lain-lain yang terdapat di sini ("maklumat") hanyalah untuk memberi pengenalan umum ke atas pembangunan yang dicadangkan dan tidak boleh sama sekali dianggap sebagai sebahagian daripada perjanjian jual dan beli atau sebahagian daripadanya atau mewakili / waranti mana-mana produk yang telah siap, yang tersirat atau sebaliknya. Semua maklumat boleh diubah tanpa pemberitahuan notis terlebih dahulu. Semua imej dan ilustrasi hanyalah merupakan imaginasi artis sahaja.

# Negara perlu pelajar berkemahiran STEM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS** – Pemain industri dalam sektor pembuatan digesa supaya mengambil inisiatif baharu dengan menggunakan teknologi terkini bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 yang kompleks.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa inisiatif baharu tersebut bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan malah menjadikan pemain industri lebih berdaya saing.

"Kemunculan pelbagai bidang yang membabitkan kecerdasan buatan (AI), teknologi komunikasi generasi kelima (5G) dan *Internet of Things* (IoT) akan memacu perubahan dalam pembangunan automasi, sistem pengecaman wajah, robotik, alam maya, analisis data besar serta bandar pintar.

"Malah, pakar berpandangan sekiranya AI digunakan sepenuhnya ia akan menyingkirkan kerja yang berulang dan dalam masa sama mencipta peluang pekerjaan baharu yang memerlukan kemahiran tinggi dalam pengendalian sistem digital," ujarnya dalam ucapan perasmian, mewakili Ketua Menteri pada penganjuran *The IEEE International Microwave, Electron Devices and Solid-State Circuit Symposium (IMESS) 2019* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Penganjur, Dr. Lee Choo Yong dan Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, industri elektrikal dan elektronik (E&E) merupakan kunci utama wujudnya teknologi AI, 5G dan IoT.

"Hari ini, industri E&E kekal sebagai salah satu industri terpenting di Malaysia dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Secara perspektifnya, 38 peratus daripada RM1 trilion nilai eksport Malaysia pada tahun 2018 adalah daripada industri E&E.

"(Dan) paling penting, daripada RM120.5 bilion lebihan dagangan Malaysia pada 2018, sebanyak 99 peratus daripadanya dijana oleh industri E&E," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat.

Tambah beliau, Pulau Pinang turut menyumbang sebanyak 30 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negara dan 79 peratus nilai daripada lebihan dagangan.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) ketika mengadakan lawatan ke ruang pameran bersempena penganjuran IMESS 2019 di sini baru-baru ini.

"Pencapaian memberangsangkan ini tidak mungkin akan dapat dikecapi sekiranya pemain industri dan pihak berkepentingan lain tidak berusaha mengubah ekosistem dengan memberi fokus terhadap kepesatan teknologi serta pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Saya harap Pulau Pinang akan terus mengorak langkah dan mencapai kecemerlangan di persada global terutama dalam perkhidmatan perkilangan, penyelidikan dan pembangunan, pemasangan serta pengujian produk-produk elektronik.

"(Dan) terus menjadi negeri yang menyumbang terhadap pembangunan ekonomi Malaysia," kata Ahmad Zakiyuddin.

Dalam pada itu, Muhamed Ali menyuarakan kebimbangan berhubung sistem pendidikan kini.

Berdasarkan statistik, ulasnya, hanya 20 peratus daripada keseluruhan pelajar di peringkat menengah menyambung pengajian dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Pada 1960-an, kerajaan menetapkan sekurang-kurangnya 40 peratus pelajar mengikuti pengajian sains tulen, walau bagaimanapun, tahun lalu didapati kurang daripada 20 peratus yang mengambil subjek tersebut.

"Sebagai sebuah negara yang sedang menuju negara maju dan dalam kerancakan teknologi kini, kita memerlukan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidang STEM.

"(Dan) kekurangan tenaga kerja tempatan yang mahir bidang STEM menjadi trend bukan sahaja dalam negara malah juga seluruh dunia.

"Jadi, bagi pihak industri, kami amat berharap kerajaan dapat melihat isu ini demi masa depan negara yang mampan," serunya.

TREEO
Sungai Ara • Penang

- HAK MILIK KEKAL
- Harga jualan RM300,000 ke atas
- Kedudukan strategik menawarkan pemandangan bukit, bandar dan laut yang mempesona
- Pelbagai kemudahan kondominium untuk para penduduk dari semua peringkat umur
- Pelbagai akses masuk dan keluar ke tempat letak kereta melalui aras 1,3,7 dan 9
- Susun atur kediaman bersesuaian untuk kehidupan versatil




Galeri Jualan dibuka setiap hari 10 pagi - 6 petang
04-609 0688
treeo-hunza.com

Pemaju Hartanah Pemenang Pelbagai Anugerah
HUNZA

**Galeri Jualan Hunza @ PICC** Lot 6029, Jalan Tun Dr. Awang Mukim 12, Daerah Barat Daya, 11900 Penang, Malaysia. Tel. 04-609 0688
**Ibu Pejabat Hunza** 163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower, Jalan Kelawei,10250 Penang, Malaysia. Tel. 04-229 0888

No.Lesen Pemaju: 10294-2/01-2021/22(L) • Tempoh Sah: 08/01/2019-07/01/2021 • No.Permit Iklan dan Jualan: 10294-2/01-2021/22(P) • Tempoh Sah: 08/01/2019-07/01/2021 • Pemaju: Hunza (Penang International Commercial City) Sdn.Bhd. (283941-T) 163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower, Kelawei Road, 10250 Penang. Tel: 604-2290888 Fax: 604-2293988 • Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Alliance Islamic Bank Berhad dan Alliance Bank Malaysia Berhad • Jenis Rumah: Pangsapuri Mampu Milik • Nama Pemajuan Perumahan: TREEO • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2023 • Jumlah Unit bagi 3 blok: Blok A1 - 390unit, Blok A2 - 390unit,Blok B - 460unit • Harga: RM300 000 (min) - RM300 000 (mak) • Size: 900 kaki persegi • Jumlah Parkir Kereta: 2392 • Kuasa yang meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No.Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB11017/19(LB) • Pakej naik taraf ini adalah tertakluk kepada pilihan pembeli.

# ‘I ❤ Penang Run - Seberang Perai 2019’ pupuk semangat kesukanan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM –** Lebih 6,000 peserta membanjiri Padang Pemuda Merdeka dekat Jalan Bagan Luar, di sini bersempena penganjuran edisi ketiga ‘I ❤ Penang Run – Seberang Perai 2019’ pada 6 Oktober lalu.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, beliau percaya acara tersebut dapat membantu mengekalkan gaya hidup sihat selain memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat di negeri ini tanpa mengira usia atau latar belakang.

“Sukan merupakan komponen penting dalam pembentukan institusi kekeluargaan yang merupakan salah satu agenda utama Visi Penang2030.

“Kerajaan Negeri menyedari bahawa keluarga adalah tonggak utama dalam kehidupan seharian kita. Justeru, melalui acara ini, ia mampu membawa kita bersama-sama ahli keluarga, rakan-rakan serta orang tersayang.



**SOON Lip Chee (dua dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan upacara pelepasan para peserta bersempena penganjuran ‘I ❤ Penang Run - Seberang Perai 2019’ di sini baru-baru ini.**

“Selain itu, program seumpama ini juga mampu merealisasikan Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra keluarga dalam persekitaran hijau dan pintar yang memberi inspirasi kepada negara,” ucapnya semasa merasmikan program berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis serta Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Mengulas lanjut, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal memberitahu bahawa di bawah program ‘Sukan untuk Semua’, Kerajaan Negeri komited menganjurkan acara sukan yang berbeza-beza pada setiap bulan bagi mempromosikan serta menarik minat orang ramai untuk bersukan.

“Selain mengekalkan kesihatan diri, kita juga mahu menggalakkan seluruh masyarakat untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program sukan yang dianjurkan di negeri ini demi membentuk gaya hidup lebih aktif.

“Kita juga mengalu-alukan penyertaan golongan belia dalam pelbagai aktiviti sukan yang dianjurkan supaya dapat menyerlahkan lagi bakat dan potensi mereka,” ujarnya.

Difahamkan, penganjuran acara yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tersebut turut mendapat kerjasama MBSP dan TLM Event Sdn. Bhd..




EcoWorld Gallery @ Eco Meadows
Eco Meadows Sdn. Bhd. (1088028-X)
740, Mukim 14, Jalan Paboi, Seberang Perai Selatan, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
E ecomeadows@ecoworld.my
EcoWorld Gallery @ Eco Meadows
Nikmati perkhidmatan dan bantuan bertaraf dunia kami setiap hari.
Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Hujung Minggu dan Cuti Umum 10pg - 6ptg
+604 510 2255
www.ecoworld.my
Crafted by ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND

# Rakan strategik tangani banjir besar 2017 dirai, terima kasih!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBPP), Dato' Sr. Rozali Mohamud meraikan 20 wakil agensi kerajaan, tujuh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta 27 agensi swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) yang menghulurkan pelbagai bentuk bantuan ketika Seberang Perai dilanda bencana ribut dan banjir besar pada 4 November 2017.

"Tidak ada ucapan yang lebih menyayat hati, tidak ada ucapan yang lebih manis, tidak ada ucapan yang lebih tinggi, bahawa kami sangat menghargai rakan strategik yang datang dari negeri Selangor dan Melaka...dan juga rakan strategik daripada sektor swasta juga.

"Kita (MBSP) jumpa dengan semua rakan strategik, dan kita beri sijil penghargaan dan plak yang diperbuat daripada bahan *'upcycle'* khas ini," ucapnya pada Program Pengiktirafan Kepada Agensi Yang Terlibat



**SR. Rozali Mohamud (barisan pertama, enam dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama pihak yang terlibat dalam bencana banjir pada November 2017 pada majlis penghargaan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Dengan Bantuan Bencana Banjir November 2017 di sini 7 Oktober lalu.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MBSP lain turut sertai majlis penghargaan tersebut.

Rozali memberitahu, bah besar tersebut memberi pengajaran yang besar buat pentadbirannya, sehingga membawa kepada penubuhan Skuad Khas untuk kerja-kerja menangani bencana, sebelum dinaik taraf menjadi Jabatan Pengurusan Krisis.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengurusan Krisis MBSP, beliau menyatakan bahawa kerja-kerja pemulihan serta pembersihan pasca bencana 4 November 2017 mencapai 95 peratus pada hari kesembilan dan semua pusat transit berjaya ditutup.

Tambahnya, pada 26 November 2017 iaitu selepas 16 hari, kerja-kerja pembersihan berjaya diselesaikan 100 peratus, dengan 15,942 tan sisa banjir berjaya dibersihkan.

Direkodkan, bencana ribut kuat, hujan luar biasa dan banjir besar yang melanda Seberang Perai pada ketika itu telah mengakibatkan 3,256 rumah terjejas, kenderaan ditenggelami air (162), penduduk dipindahkan (9,639), pokok tumbang dialihkan (1,194) serta RM11.3 juta nilai kerugian.

# Jangan sewenang-wenang buang haiwan kesayangan

**BUKIT TAMBUN -** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud menasihatkan pemilik haiwan kesayangan supaya tidak sewenang-wenangnya membuang anjing atau kucing di kedai makan atau pasar raya.

Katanya, perbuatan sebegitu akan menggagalkan usaha bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dengan Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang serta Persatuan Mencegah Kekejaman Terhadap Haiwan (SPCA) dalam menangani isu populasi haiwan terbiar di jalanan dan tempat-tempat awam.

"Anggaran anjing terbiar di Seberang Perai ada kira-kira 20,000.

"Walaupun kita (MBSP) telah tangkap 1,943 ekor sehingga Ogos tahun ini, beri rawatan, pusat jagaan dan proses pemandulan, tapi angka jumlah anjing terbiar akan terus meningkat, mungkin membiak antara 3,000 hingga 4,000 ekor lagi.

"Masalah anjing dan kucing terbiar ini tidak akan selesai, kalau pemilik yang tidak mahu lagi haiwan kesayangan mengambil




**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan MBSP serta pihak-pihak berkaitan menunjukkan 'Klinik Veterinar Bergerak' pada Majlis Perasmian Paun Simpanan Haiwan MBSP di sini baru-baru ini.**

jalan mudah dengan membuang haiwan mereka di kedai makan atau tempat awam.



**RUPA bentuk kurungan yang direka khas.**

"Jadi, sesiapa nak buang anjing atau kucing, walaupun kita (MBSP) tak galakkan, bawa ke pusat jagaan sementara di sebelah Depoh MBSP dekat Taman Inderawasih, akan ada NGO (pertubuhan bukan kerajaan) beri makan, pelihara serta rawat haiwan-haiwan kesayangan ini," jelasnya dalam Majlis Perasmian Paun Simpanan Haiwan MBSP di Taman Perusahaan Ringan Usahajaya, Permatang Tinggi dekat sini pada 1 Oktober lalu.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; barisan Ahli Majlis MBSP; Timbalan Dekan Hospital Perubatan Veterinar, Fakulti Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Pengerusi SPCA Seberang Perai, Tan Kah Chuah turut sertai acara perasmian tersebut.

Selain itu, Rozali memberitahu, MBSP komited untuk menangani isu anjing liar, demi meningkatkan tahap keselamatan serta kesejahteraan penduduk di bahagian Seberang Perai.

Berdasarkan matlamat tersebut, beliau menyatakan bahawa Paun Simpanan Haiwan telah dibina di atas tapak asal Kompleks Penjaja Taman Usahajaya pada 9 April 2018 dan siap sepenuhnya pada 27 Ogos 2018, dengan kos RM414,820.

# MBSP ikhtiar bantu kakitangan miliki rumah idaman sendiri

**SEBERANG JAYA -** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan memperluaskan lagi kempen pendemokrasian perumahan demi memastikan setiap kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan layak memiliki kediaman selesa.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata demikian ketika berucap dalam Perhimpunan Korporat Bandaraya yang pertama setelah PBT berkaitan dinaik taraf sebagai bandaraya pada 7 Oktober lalu.

Program pendemokrasian perumahan yang diadakan pada 20 September 2019 baru-baru ini merupakan satu cetusan idea bersesuaian dengan tema bajet tahun ini iaitu berpaksikan rakyat yang merangkumi semua aspek komuniti dan warga kerja MBSP.

"Kempen pendemokrasian perumahan ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan (tempatan) ataupun PBT, dan saya dapat rasakan bahawa program pertama kali ini adalah suatu program yang berjaya," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MBSP lain turut sertai acara bulanan tersebut.

Rozali memberitahu bahawa kempen pendemokrasian yang dilaksanakan dalam kalangan kakitangan MBSP sebenarnya selari adalah dengan inisiatif strategik Penang2030 yang digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow iaitu meningkatkan daya huni demi menambahkan kualiti hidup rakyat.

"Saya dimaklumkan, seramai kira-kira 1,000 kakitangan (MBSP) hadir menjayakan program berkenaan,'' ujarnya.

Pada majlis sama, Ir. Rosnani mengetuai acara melafazkan ikrar untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan sempena pemasyhuran MBSP.

# Karnival Kerjaya penuhi keperluan informasi berkaitan peluang pekerjaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Bagi memenuhi keperluan informasi berkaitan peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat, Pejabat Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi sekali lagi menganjurkan program Karnival Kerjaya pada 22 September lalu.

Program yang berlangsung dekat pasar raya C-Mart Nibong Tebal itu turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Tenaga Kerja Butterworth.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) nya, Jason H'ng Mooi Lye berkata, program yang dianjurkan buat kali kedua pada tahun ini adalah selepas mengambil kira suasana persaingan yang semakin sengit untuk mendapatkan pekerjaan dalam kalangan masyarakat.

"Bilangan graduan dan pelajar lepasan sekolah semakin bertambah tahun demi tahun, tetapi iklim ekonomi hari ini membataskan untuk menerima kesemua mereka dalam alam pekerjaan.




**JASON H'ng Mooi Lye (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama salah satu pihak yang mengambil bahagian di dalam penganjuran Karnival Kerjaya di sini baru-baru ini.**

"Realiti ini merupakan cabaran besar kepada orang ramai untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan akademik dan kemahiran masing-masing.

"Justeru, Karvival Kerjaya ini merupakan medan pendedahan kepada orang ramai terhadap peluang kerjaya dan aspek-aspek penting yang berkaitan termasuk syarat minimum, kelayakan, laluan kerjaya, insentif dan sebagainya," katanya semasa merasmikan program berkaitan di sini 22 September lalu.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang, Sazali Kerteh; Ketua Penolong Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Butterworth, Zurianie Md. Sahak; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Heng Yeh Shiuan serta Pengurus Besar C-Mart Nibong Tebal, Kim Lim Teng.

Mengulas lanjut, Mooi Lye juga memaklumkan bahawa penganjuran program berkenaan juga dapat mendekatkan lagi masyarakat dengan Pusat Khidmat KADUN Jawi.

"Melalui inisiatif ini, maka interaksi Pusat Khidmat KADUN (Jawi) dengan masyarakat dapat dilebarkan, sekaligus memperkasa jaringan yang membuka ruang kepada pembentukan inisiatif-inisiatif susulan," ujarnya.

Difahamkan, program sama telah dianjurkan pada Mac tahun ini dan ia menerima sambutan amat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

## Karpet baharu buat Surau Al-Yaqeen

**AIR ITAM –** Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh memperuntukkan sejumlah RM14,976 bagi menukar karpet baharu di Surau Al-Yaqeen dekat sini.

Ramkarpal berkata, proses kerja membekal dan memasang karpet baru di surau itu dimulakan pada 11 September dan telah siap dipasang empat hari selepasnya.

"Sebelum ini, karpet lama telah dibasahi oleh masalah kebocoran air akibat daripada lorong air di Blok 4C yang bermasalah.

"Justeru, dengan adanya karpet baharu ini diharapkan para penduduk beragama Islam di kawasan ini dapat menunaikan solat dengan baik dan selesa," ujarnya semasa mengunjungi surau berkenaan pada 4 Oktober lalu.

Turut mengiringi beliau, Pengerusi Surau Al-Yaqeen, Rashid Suhaibudeen.

Mengulas lanjut, Ramkarpal memberitahu bahawa lift di Blok 4E kawasan berkenaan juga telah dinaik taraf dan serentak itu beliau juga sedang berusaha menangani masalah lif di Blok 4A, 4B dan 4C pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Rashid ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada usaha murni yang ditonjolkan oleh Ramkarpal.

"Pemberian karpet ini sememangnya lebih baik daripada sebelum ini dan diharapkan penduduk di sini dapat menunaikan solat dengan lebih kerap, harmoni serta tekun.

"Kami juga memerlukan tambahan kemudahan serta fasiliti yang baik untuk mengimarahkan surau seperti penghawa dingin, satu pejabat kecil untuk setiausaha dan juga set komputer bagi urusan surat-menyurat," jelasnya.



**RAMKARPAL Singh (tengah) berjabat tangan dengan Rashid Suhaibudeen (dua dari kiri) pada lawatan khas ke Surau Al-Yaqeen di sini baru-baru ini.**

## Pertandingan Skimboarding platform promosi destinasi sukan air antarabangsa

**TANJUNG BUNGA –** Pertandingan Skimboarding Antarabangsa Pulau Pinang Kali Ke–11 merupakan platform terbaik mempromosikan negeri ini sebagai destinasi sukan air peringkat antarabangsa.

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah dan sijil pertandingan berkaitan di sini 16 September lalu.

"Penganjuran program oleh Kelab Skimboarding Bersatu Pulau Pinang tersebut turut mampu mempromosikan sukan pantai di samping menggalakkan golongan belia bergiat aktif dalam sukan air di Pulau Pinang.

"Difahamkan, penyertaan bagi kategori-kategori yang dipertandingkan adalah membabitkan seramai 100 peserta dari dalam dan luar negara antaranya Singapura, Filipina, Thailand, China dan lain-lain yang telah berentap dalam jayanya sepanjang program berlangsung," ujarnya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin.




**SYERLEENA Abdul Rashid (tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta Pertandingan Skimboarding Antarabangsa Pulau Pinang Kali Ke–11 pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.**

# Program Mutiara Food Bank beri manfaat keluarga perlu

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**JOSEPH Ng Soon Siang (empat dari kanan) dan Ramkarpal Singh (lima dari kanan) bersama-sama pihak berkaitan pada Majlis Perasmian Mutiara Food Bank di KADUN Air Itam baru-baru ini.**

**AIR ITAM –** Pelancaran program Mutiara Food Bank di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam diharap dapat memanfaatkan golongan keluarga B40 di sini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Joseph Ng Soon Siang berkata, program yang akan dijalankan setiap hari Rabu bermula jam 3 petang tersebut sedikit-sebanyak meringankan beban golongan berkaitan melalui pemberian makanan seperti sayur-sayuran dan juga roti.

"Sepatutnya program ini dijalankan pada minggu pertama dan ketiga sahaja setiap bulan, namun kini ia dapat diadakan setiap minggu (Rabu) dengan adanya kerjasama daripada pihak Sunshine Group Farlim yang sanggup serta setia untuk membekalkan bekalan makan kepada penduduk terlibat.

"Saya berasa gembira kerana pra-program Mutiara Food Bank yang dijalankan dua bulan sebelum ini akhirnya menjadi realiti dengan memberikan keperluan makanan harian kepada golongan tersebut," ucapnya semasa majlis pelancaran program berkaitan di Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Melayu di sini 2 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Pengarah Urusan Suiwah Corporation Bhd., Dato' Thean Long Hwang; Timbalan Pegawai Operasi Mutiara Food Bank, Muhammad Shameer dan Pengerusi MPKK Kampung Melayu, Abdul Aziz Buhari.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu bahawa program tersebut adalah selaras dengan Visi Penang2030 yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga.

"Apabila setiap ahli keluarga mempunyai makanan yang mencukupi, mereka akan bekerja dengan lebih bersemangat dan dapat memupuk sebuah keluarga yang harmoni," katanya.

Dalam pada itu, Ramkarpal memuji usaha murni tersebut yang ternyata memberi manfaat kepada penduduk di kawasan Kampung Melayu.

"Program ini adalah suatu idea yang bagus kerana lebihan makanan yang diberikan itu merupakan makanan yang masih boleh digunakan serta dapat memberikan manfaat serta kebaikan kepada penduduk kawasan ini.

"Saya juga berasa bangga untuk memaklumkan bahawa ini bukan kali pertama program Food Bank dijalankan kerana program yang sama telah dianjurkan di kawasan Taman Tun Sardon dan di Bukit Gelugor pada bulan Mac lalu," jelasnya sambil mengharapkan program tersebut berjalan dengan lancar.

# Turapan konkrit baharu mudahkan 30 keluarga

**SERI DELIMA –** Melalui peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid sebanyak RM30,515, laluan sepanjang 90meter (m) di Pintasan Pemancar 4 kini diturap baharu.

Menurut Syerleena, melalui tender terbuka yang dijalankan, kos menurap berjaya dikurangkan kepada RM26,555.

"Sebelum ini, penduduk perlu berdepan dengan keadaan jalan yang berlopak, jadi dengan penurapan konkrit ini, ia memudahkan 30 keluarga yang menetap di sini serta menggunakan pintasan berkaitan.

"Hasil daripada tender terbuka, ianya ada lebihan sebanyak RM3,960, justeru ia digunakan untuk buat longkang di hadapan beberapa rumah penduduk yang memohon projek berkenaan," ujarnya pada sesi lawatan tapak ke Pintasan Hilir Pemancar 4 di sini 27 September lalu.

Hadir sama, Penghulu bagi kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib dan Ahli-ahli Jawatankuasa bagi Majlis Pngurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Tun Sardon.

Bercakap kepada pemberita, Nasrizal memaklumkan bahawa projek tersebut siap pada 17 September lalu.



SEBELUM



SELEPAS

**GAMBAR sebelum dan selepas kerja-kerja penurapan dijalankan.**

# Sumbangan ambulans berkelengkapan penuh bantu selamatkan nyawa

**TANJUNG BUNGA –** Sumbangan sebuah ambulans berkelengkapan penuh bagi kegunaan penduduk di kawasan Tanjung Bunga dan Batu Ferringhi umumnya dapat membantu menyelamatkan nyawa, kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Ambulans Kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di sini 11 September lalu.

"Ini merupakan sesuatu yang kita sudah tunggu lama, sebab kebiasaannya ketibaan ambulans ke kawasan Batu Ferringhi, Teluk Bahang memerlukan masa kira-kira 45 minit bergantung kepada keadaan trafik.

"Justeru dengan penempatan sebuah ambulans di kawasan ini, maka ada nyawa yang boleh diselamatkan sekiranya berlaku sebarang kecemasan melibatkan penduduk setempat ataupun pelancong," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) APM, Norhafifi Ismail; Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang, Khoo Boo Lim; Penolong Pengarah Eksekutif Hotel Hard Rock, Michael Smeeton dan Penaung Kelab Motosikal HTC, Lau Nian Choon.

Difahamkan, ambulans bernilai RM185,000 adalah hasil sumbangan beberapa pihak termasuk Hotel Hard Rock, RM70,000; Kelab Motosikal HTC (RM60,000) dan MAH Penang Chapter (RM10,000).

Selain itu, *Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa*, *Golden Sands Resort*, Hotel Bayview Beach, Hotel Angsana juga memberikan sumbangan masing-masing bernilai RM10,000 dan *Holiday Inn Resort* (RM5,000).

Mengulas lanjut, Zairil turut memuji projek komuniti yang diadakan dengan kerjasama pelbagai pihak dalam membantu menyelamatkan nyawa orang awam berkenaan.

"Ini merupakan projek komuniti yang wajar dipuji kerana langsung tidak melibatkan dana daripada kerajaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Norhafifi memberitahu bahawa sumbangan ambulans tersebut secara langsung dapat meningkatkan keupayaan menyelamat APM.

"Ini merupakan satu anugerah kepada kami (APM) dan ia akan meningkatkan keupayaan kami untuk membantu menyelamatkan nyawa.

"Justeru, kami boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik di kawasan ini sekiranya berlaku sebarang kes kecemasan," jelasnya ketika ditemui.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

# Pembangunan negeri disesuai ikut persekitaran komuniti

**SUNGAI ACHEH** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa Pulau Pinang mempunyai potensi besar untuk merapatkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

Katanya, selain fokus untuk menjadi negeri maju, pintar dan mesra keluarga bagi mencapai Visi Penang2030, Kerajaan Negeri juga mahu masyarakat di luar bandar turut merasai nikmat pembangunan yang dilaksanakan sejak sekian lama.

"Justeru, dalam usaha mencapai Visi Penang2030, saya selalu tekankan kepada pegawai kerajaan khususnya Pegawai Daerah untuk melihat bahawa pembangunan negeri tidak hanya tertumpu di bahagian pulau sahaja sebaliknya perlu menyeluruh termasuk di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang terletak di penghujung negeri.

"Walau bagaimanapun, pembangunan yang mahu dilaksanakan haruslah sesuai dengan persekitaran atau kehidupan komuniti setempat seperti membangunkan perindustrian dan pertanian yang boleh menambah pendapatan masyarakat di kampung.

"Contohnya industri madu kelulut yang diusahakan, walaupun hanya secara sampingan tapi boleh menjana pendapatan sehingga RM700 sebulan.

"Begitu juga dengan Kopi Fajar Menyinsing walaupun diusahakan di kampung, tapi mampu dipasarkan sehingga ke Kuala Lumpur," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Penutup Program Jelajah Desa Peringkat Daerah SPS dekat Kampung Sungai Buaya di sini baru-baru ini.

Turut serta, ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya; Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim serta beberapa pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh.

Terdahulu, program Jelajah Desa peringkat SPS dimulakan dengan kunjungan ke Kilang Kopi Fajar Menyinsing untuk melihat cara pemprosesan kopi secara tradisional yang diusahakan sejak 1964.

Selepas itu, Afif bersama-sama peserta jelajah meneruskan kunjungan ke kediaman **KHAIRUDDIN DIN** dekat Sungai Kechil yang merupakan penerima bantuan bina semula rumah melalui peruntukan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang bernilai RM45,000.



FATIMAH Abu Bakar.

Lawatan diteruskan pula ke kediaman **FATIMAH ABU BAKAR** di Kampung Nenas, Sungai Kechil yang merupakan penerima bantuan baiki rumah sumbangan GiatMARA.

Jelajah kemudiannya diteruskan ke Institut Kemahiran Tinggi Perda (Perda-Tech) yang menyediakan kursus-kursus kemahiran antara yang terbesar di SPS sebelum ke Taman Negeri Bukit Panchor bagi menyampaikan bantuan baja pokok kepada 64 petani sumbangan daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

Mengakhiri lawatan, Afif bersama-sama para peserta jelajah berkunjung ke kediaman **MUHAMAD ZAINI MAT YATIM** dekat Kampung Sungai Buaya yang merupakan pengusaha madu lebah kelulut sebelum menyampaikan bantuan peralatan kepada peniaga-peniaga yang layak.



PRODUK kopi Fajar Menyinsing.



DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) meneliti sarang kelulut yang diusahakan Muhamad Zaini Mat Yatim di Kampung Sungai Buaya bersempena Program Jelajah Desa Peringkat Daerah SPS dekat sini baru-baru ini.

Di kesempatan itu juga, Buletin Mutiara berpeluang menemu bual beberapa usahawan dan penerima bantuan yang terlibat dalam program tersebut.



SYARIFAH Murni Kasim@Musa.

Antaranya **SYARIFAH MURNI KASIM@MUSA**, yang merupakan generasi ketiga bagi perusahan Kopi Fajar Menyinsing memberitahu bahawa perniagaan yang diusahakan datuknya, Osman Ahmad kini mampu menembusi pasaran luar negara dengan bantuan geran sumbangan Kerajaan Negeri.

"Sebagai cucu kepada pengasas Kopi Fajar Menyinsing, saya mengambil alih perusahaan ini sejak tahun 2011 dan meningkatkan perniagaan untuk memasarkan produk ke luar negeri.

"Alhamdulillah, dengan bantuan geran yang banyak diterima daripada Kerajaan Negeri membolehkan produk Kopi Fajar Menyinsing dipasarkan ke seluruh negara termasuk di luar negara… setakat ini kita berjaya pasarkan di Kemboja.

"Selain bantuan geran, kami juga dibawa mempromosikan produk ke luar negara seperti di Medan dan China oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang sangat membantu dalam memperkenalkan produk ini ke luar negara," ulasnya ketika ditemui.

Bagi **SYAMIL ADDIN KHAIRUDDIN**, 25, beliau meluahkan rasa syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu ayahnya, Khairuddin, 69, membina sebuah rumah baru bagi menggantikan kediaman lama mereka yang terlalu usang.



SYAMIL Addin Khairuddin.

"Bantuan ini amat bermakna memandangkan ayah saya kini sedang sakit dan rumah yang selesa amat diperlukan keluarga kami. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pemberian bantuan ini," katanya.

Nada sama disuarakan Fatimah, 70, yang turut menzahirkan ucapan terima kasih atas sumbangan membaiki rumahnya yang sangat usang dan tidak selamat untuk didiami sebelum ini.



MOHD. Abu Bakar Nor.

Penerima sumbangan baja pokok, **MOHD. ABU BAKAR NOR**, 52, menyatakan bahawa sumbangan tersebut dapat membantu meringankan kos untuk penanaman buah durian yang diusahakannya.

"Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Pertanian Negeri (Pulau Pinang) yang bermurah hati memberikan bantuan baja.

"Dengan bantuan ini dapatlah jimatkan perbelanjaan untuk membeli baja dalam tempoh setahun ini," jelasnya.